



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 27

RABU 8 JULAI, 1987.

رابعو 11 ذوالقعدة 1407

PERCUMA

Penulis perlu luaskan bidang pembacaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penulis-penulis di negara ini perlulah meluaskan bidang pembacaan mereka bukan sahaja di dalam bahasa ibunda malah juga bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris.

Kerana melalui pembacaan itu penulis-penulis boleh menilai mutu hasil-hasil tulisan antarabangsa di samping mempelajari penggunaan bahasa dan mempertingkatkan taraf ilmu pengetahuan.

Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib berkata demikian ketika merasmikan majlis sambutan Jubli Perak Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada hari Ahad lepas.

Katanya, "Pendedahan penulis-penulis tanahair kepada hasil-hasil tulisan antarabangsa yang bermutu tinggi baik dalam bentuk kesusasteraan lama atau moden amatlah penting bagi perkembangan penulis-penulis itu sendiri."

Dalam hal tersebut Yang Berhormat Menteri Pelajaran berharap Asterawani akan mengadakan lebih banyak lagi pertemuan sastera dalam mana perbincangan-perbincangan tidak semata-mata dipusatkan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh penulis tempatan atau penulis-penulis di rantau ini tetapi haruslah berusaha lebih jauh lagi misalnya mengundang penceramah-penceramah yang boleh mendekatkan kita kepada perkembangan kesusasteraan di negara-negara yang telah maju.

"Saya percaya Asterawani telah membuktikan kepada kita akan peranannya dalam mencari jalan untuk memupuk perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu mengikut keupayaannya," tegas Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu tambah Yang Berhormat, masyarakat perlulah memberikan setinggi-tinggi penghargaan di atas kegigihan Asterawani dalam cuba memupuk perkembangan.

Lihat muka 20

Oleh Dk. Fatimah
Pg. Haji Mohd. Noor



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (gambar atas) menerima junjung ziarah Pesuruh-jaya Tinggi Malaysia, TYT Syed Hussien yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya ke negara ini.

Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima watikah perantikan Duta Besar Amerika Syarikat yang baru ke negara ini, TYT Thomas Ferguson.

Kedua-dua majlis telah berlangsung di Istana Nurul Iman pada petang Khamis yang baru lalu. (Gambar-gambar oleh Harun Rashid).

DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Tuan Ronald Wilson Reagan, Presiden Amerika Syarikat bersempena

dengan Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat pada 4 Julai 1987.

Baginda juga berkenan menghantar tahniah kepada Puan Yang Terutama, Yang Amat Berhormat Jeanne Sauve, Gabenor Jeneral Kanada bersempena dengan Hari Kebangsaan Kanada pada 1 Julai 1987.

PETIKAN TITAH

“Di dalam menyelenggarakan apa jua bentuk rancangan kemajuan dan pembangunan negara, adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk memastikan penglibatan pihak swasta di negara ini untuk bekerjasama dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dengan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka.”

Dititahkan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari, 1987.



Mengadap dan serah watikah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima surat watikah perantikan Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Thomas Ferguson di Istana Nurul Iman Khamis lepas.

Tuan Yang Terutama Thomas Ferguson kemudiannya diperkenalkan mengadap ke

hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu.

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

“DAN barangsiapa mengerjakan sesuatu kejahatan, atau menyalah diri sendiri, kemudian ia memohon ampunan kepada Allah terhadap dosanya, nescaya dia mendapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” — Makna ayat 109 Surah An-Nisa.

Jadilah Masyarakat Berdisiplin Dengan Memantuni Kemudahan Awam



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

8 JULAI, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

AIDS PENYAKIT PALING BAHAYA: PENGANCAM KESIHATAN MASYARAKAT

SELAMA ini setengah orang beranggapan bahawa ancaman perdamaian dan kebahagiaan manusia sejagat ialah kemiskinan. Tidak ada nafkah, tidak ada pekerjaan dan pengangguran yang makin lama makin banyak melanda negara membangun mahupun negara-negara industri yang maju. Ini disifatkan masalah moral yang paling mendesak. Setengahnya berjaya diselesaikan secara berperingkat-peringkat kerana setiap orang merasa peka terhadap isu serupa ini.

Dalam kepekaan masyarakat antarabangsa menghuraikan masalah kemiskinan dan kebuluran yang menimpa manusia-manusia malang di dunia ini tiba-tiba semua orang terperanjat dan gerun. Masyarakat antarabangsa resah dan gelisah. Kita juga merasa bimbang dan gementar dengan AIDS. AIDS sudah mulai menjadi momok ngeri kepada seluruh masyarakat antarabangsa tidak terkecuali kita. AIDS penyakit paling bahaya yang mengancam kesihatan masyarakat.

Ciri penting AIDS (singkatan 'Acquired immune deficiency syndrome') ialah rosaknya daya tahan alamiah tubuh terhadap berbagai macam penyakit sehingga pengidapnya sangat mudah dijangkiti oleh penyakit-penyakit berat yang pada kebiasaannya tidak berkesan kepada mereka yang mempunyai daya tahan biasa. Pengidap AIDS juga mudah terdedah kepada serangan kuman-kuman termasuk juga kuman-kuman yang biasanya tidak memudaratkan kepada manusia.

AIDS penyakit yang merbahaya dan menjadi masalah kesihatan masyarakat kerana boleh berjangkit di samping melanda sepanjang hayat dan boleh membawa maut. Di Amerika Syarikat, 90 peratus kes-kes AIDS yang dikenalpasti sebelum tahun 1982 pengidapnya telah meninggal dunia. Manakala 75 peratus telah meninggal dunia tiga tahun yang lalu terhadap kes-kes AIDS yang dikenalpasti di Amerika Syarikat. Dan ketika ini 50 peratus daripada kes-kes penyakit AIDS yang telah dilaporkan sudah pun meninggal dunia.

Kenapa mereka meninggal dunia? Kenapa mereka tidak dapat ditolong? Dunia perubatan belum lagi menemukan ubat untuk menyembuhkannya. Kita belum lagi menemukan vaksin untuk mencegahnya. Inilah yang membimbangkan masyarakat antarabangsa. Kita gerun, takut dan gementar. Apa akan terjadi pada generasi akan datang jika AIDS ini merebak kerana ia boleh berjangkit. Bayangkan, pengidap AIDS ditimpa derita sepanjang hayat. Detik-detik berlalu dibayangi oleh kematian demi kematian.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang membincangkan mengenai AIDS yang baru-baru ini diadakan di Washington telah mengemukakan kira-kira 10 juta orang di merata dunia telah dijangkiti oleh virus HIV. Banyak orang percaya bilangan mereka yang dijangkiti oleh virus HIV yang akan mengidap penyakit AIDS mungkin lebih tinggi dari yang dianggarkan sekira-kira 10 dan 20 kali ganda banyaknya.

Bayangkan, berapa jumlah itu semua. Kalau dunia dilanda penyakit AIDS sebanyak itu secara langsung AIDS bukan sahaja menjadi masalah moral dan kesihatan masyarakat bahkan AIDS akan memusnahkan harkat kemanusiaan. Komantapan politik dan ekonomi dunia turut terganggu dan kesejahteraan masyarakat seluruhnya. Jadi kita hendak ke mana? Pencegahan penting untuk mengawal dari merebaknya penyakit AIDS ini ialah dengan cara meniggalkan pekerjaan maksiat di samping jangan terlibat dalam mana-mana kegiatan penyalahgunaan dadah dan kesan-kesan sampingan darinya.

Khusus mengenai negara kita telah terdapat dua orang pembawa virus HIV tetapi kedua mereka ini belum lagi menjadi kes penyakit AIDS. Kita tidak perlu panik kerana jabatan dan kementerian bersangkutan sentiasa memerhati dan mengawasi perkembangan kedua-dua pembawa virus HIV ini dan semua langkah waspada dan tindakan seperlunya telah pun diusahakan. Kita berkeyakinan semua pihak akan mengambil langkah positif ke arah mengamalkan cara hidup yang diredai Allah.

Bismillah-Hir-Rahman-Nirahim,
Assalam-mulaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekali puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat-kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana atas izin-Nya jua kita dapat bersama-sama di pagi ini iaitu di majlis Pelancaran Jubli Perak Asterawani. Majlis yang menandakan genap usia 25 tahun Persatuan Asterawani setentunya merupakan satu titik sejarah penting bagi persatuan ini. Di atas penghargaan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama hadir di majlis ini dan seterusnya merasmikan pelancarannya nanti, saya sangat-sangatlah berbesar hati tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Asterawani.

Asterawani adalah salah sebuah persatuan yang telah wujud dan dapat membuktikan keupayaan untuk berfungsi seperti yang dihasratkan bagi satu tempoh yang sudah boleh dibanggakan. Seperti kita sama-sama maklum, objektif utama Asterawani ditubuhkan ialah untuk menyatupadukan penulis-penulis tanahair dalam usaha memperluaskan dan mempertingkatkan penggunaan Bahasa Melayu melalui kegiatan-kegiatan kesusasteraan dan kebudayaan mengikut kepentingan-kepentingan nasional. Dalam tempoh 25 tahun Asterawani telah dapat mengusahakan berbagai-bagai kegiatan kesusasteraan dalam bentuk peraduan-peraduan bahasa dan menulis cerpen, sajak, skrip drama dan novel. Di samping itu Asterawani juga telah banyak mengusahakan seminar dan forum kesusasteraan termasuklah bengkel penulisan untuk membimbing penulis-penulis tempatan. Di bidang penerbitan beberapa edisi majalah rasminya yang diberi nama "KARYA" dan sebuah antologi sajak di samping memberikan dorongan kepada ahli-ahlinya untuk menerbitkan antologi karya masing-masing. Asterawani juga tidak ketinggalan mengadakan kegiatan-kegiatan kebudayaan yang juga memupuk kepentingan perkembangan kesusasteraan Melayu.

Memainkan

Kita sama-sama menyedari bahawa perkembangan bahasa dan kesusasteraan itu dapat memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Melalui karya-karya sastera, penulis-penulis pada misalnya bukan saja dapat meng-

Penulis perlu sensitif kepada mutu persoalan yang akan disampaikan

hidupkan semula sejarah kegemilangan sesebuah negara tidak semata-mata untuk jadi ristaan tetapi menggunakan unsur-unsur positif sejarah tersebut bagi kepentingan perkembangan tamadun negara. Penulis-penulis yang berilmu, mempunyai pengamatan yang tajam dan daya imaginasi yang kuat boleh menghasilkan karya sastera yang bukan saja bermutu tinggi dari sudut seninya tetapi juga dari sudut kemampuan penulis menghadapi persoalan-persoalan yang boleh membawa kepada perkembangan mental. Dalam konteks ini, penulis-penulis bukan saja bertanggungjawab terhadap penggunaan bahasa yang betul, tepat dan indah tetapi mereka juga perlu sensitif kepada mutu persoalan yang akan disampaikan kepada penulis masyarakat pembaca. Hasil tulisan yang dapat mencapai kepada masyarakat pembaca. Hasil tulisan yang dapat mencapai perseimbangan di antara kedua-dua perkara ini, saya rasa akan boleh berjaya mencapai matlamatnya.

Saya percaya penulis-penulis tanahair adalah semakin bertambah bilangannya. Penulis-Penulis kita hari ini mempunyai banyak kemudahan-kemudahan dan peluang yang baik bagi meluaskan pembacaan bukan saja di dalam bahasa ibunda tetapi juga di dalam bahasa antarabangsa seperti Bahasa Inggeris. Kita sama-sama menyedari bahawa pembacaan amat perlulah diluaskan kerana dengan pembacaan itu penulis-penulis boleh menilai mutu hasil-hasil tulisan antarabangsa di samping mempelajari penggunaan bahasa dan mempertingkatkan taraf ilmu. Pendidikan penulis-penulis tanahair kepada hasil-hasil tulisan antarabangsa yang bermutu tinggi baik dalam bentuk kesusasteraan lama atau moden amatlah penting bagi perkembangan penulis-penulis itu sendiri. Dengan kesempatan menikmati dan menilai sendiri akan tulisan-tulisan yang berjaya di peringkat antarabangsa akan membuat seseorang penulis lebih berkeyakinan untuk menilai karya yang dihasilkan sendiri. Saya penuh percaya di masa-masa yang akan datang, bersesuaian dengan keadaan kita pada masa ini, Asterawani akan mengadakan lebih banyak lagi pertemuan sastera dalam mana perbincangan-perbincangan tidak semata-mata dipusatkan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan atau penulis-penulis di rantau ini.

Sumbangan

Kita haruslah berusaha lebih jauh pada misalnya mengundang penceramah-penceramah yang boleh mendekatkan kita kepada perkembangan kesusasteraan di negara-negara yang telah

**UCAPAN penuh Yang
Berhormat Pehin Orang
Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Awang
Abd. Rahman, Menteri
Pelajaran di Majlis
Pelancaran Jubli Perak
ASTERAWANI yang
berlangsung di Balai
Pameran Dewan
Bahasa dan Pustaka
pada 5 Julai, 1987.**



MELALUI karya-karya sastera, penulis-penulis pada misalnya bukan sahaja dapat menghidupkan semula sejarah kegemilangan sesebuah negara, tidak semata-mata jadi ristaan tetapi menggunakan unsur-unsur positif sejarah tersebut bagi kepentingan perkembangan tamadun negara. Penulis-penulis yang berilmu, mempunyai pengamatan yang tajam dan daya imaginasi yang kuat boleh menghasilkan karya sastera yang bukan saja bermutu tinggi dari sudut seninya tetapi juga dari sudut kemampuan penulis menghadapi persoalan-persoalan yang boleh membawa kepada perkembangan mental.

maju. Universiti Brunei Darussalam sebagai pusat pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam, saya percaya akan dapat memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Tidak lama lagi Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan satu seminar yang diberi nama 'SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI BAHASA, KESUSASTERAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU' dalam mana beberapa orang pakar antarabangsa di bidang berkenaan akan didatangkan untuk mengambil bahagian di dalam seminar ini. Usaha seperti ini adalah salah satu cara bagi sesebuah pusat pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam dapat memainkan peranannya dalam memperkembangkan bahasa dan kesusasteraan. Di samping itu Universiti Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat pengajian tinggi mempunyai bahan-bahan bacaan dan rujukan khususnya di bidang bahasa dan kesusasteraan serta kepakaran pensyarah-pensyarah yang boleh dijadikan sumber bagi kepentingan perkembangan bahasa dan kesusasteraan. Saya percaya Asterawani akan dapat memanfaatkan sebarang sumbangan yang boleh diberikan oleh Universiti Brunei Darussalam sebagai pusat pengajian tinggi khususnya di bidang bahasa dan kesusasteraan.

Mencari jalan

Saya rasa Asterawani telah membuktikan kepada kita

akan peranannya dalam mencari jalan untuk memupuk perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu mengikut keupayaannya. Pada satu pihak pula, masyarakat perlulah memberikan setinggi-tinggi penghargaan di atas kegigihan Asterawani dalam cuba memupuk perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu di negara ini. Saya percaya adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk sama-sama memberikan perhatian dan minat terhadap usaha Asterawani dalam mengketengahkan hasil-hasil ciptaan penulis-penulis tempatan. Saya berpendapat bahawa tanpa karya-karya sastera yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanahair, penulis-penulis kita tidak akan dapat berkembang dengan pesat. Oleh yang demikian bersempena dengan Jubli Perak Asterawani ini, saya sukacita mengambil kesempatan untuk menekankan bahawa betapa pentingnya Asterawani mendapat perhatian dan sambutan dari orang ramai dan mass media mengenai dengan kegiatan-kegiatan persatuan ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sukacita untuk mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan kepada Asterawani atas kejayaan persatuan ini dalam terus memperkembangkan kegiatannya.

Dengan mendahulukan kalimat Bismillah-Hir-Rahman-Nirahim, saya sukacita merasmikan 'PELANCARAN JUBLI PERAK ASTERAWANI' ini.

Penyusunan kedudukan gambar



KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA.



KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.



D.Y.T.M. PENGIRAN ISTERI HAJJAH MARIAM

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka dengan ini adalah dimaklumkan bahawa penyusunan kedudukan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam adalah seperti berikut:—

“Gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di tengah dan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sebelah kanan dikebawahkan separuh daripada gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gambar wajah Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam di sebelah kiri dikebawahkan separuh daripada gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.”

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-388

ZAMAN dahulu, orang-orang biasa menjalankan perkara ekonomi dengan bersendirian, peniaga di kedainya, penanam di kebunnya dan tukang di tempat kerjanya mengikut cara biasa yang dipakai dan dibuat pada zaman itu.

Pada masa sekarang adalah zaman memakai alat dan zaman berhubung di antara bangsa. Maka orang-orang yang biasa itu sukar hendak menjalankan usahanya dalam ekonomi kerana berkehendakkan alat-alat yang memakan belanja yang banyak, berkehendakkan pakar-pakar dan pekerja-pekerja dan lain-lain. Maka usaha-usaha ekonomi bertukar pula daripada orang perseorangan kepada kumpulan orang dengan mendirikan syarikat-syarikat perusahaan dan membangunkan kilang-kilang dan syarikat perniagaan yang berupa kemahiran dan membayarkan wang dan memin-dahkan wang dan lain-lain perkara yang telah menjadi sulit dan rumit. Allah Taala telah membahagi-bahagikan kebolehan di antara manusia supaya mereka menjadi umat yang satu, bergantung satu kepada satu yang lain, negara-negara yang maju mempunyai banyak kilang-kilang dan berkehendakkan barang-barang mentah dan negara-negara yang kaya dengan barang-barang mentah itu berkehendakkan pula barang-barang yang diproses oleh kilang-kilang itu. Ber-tukar barang-barang itu berkehendakkan perhubungan kewangan dan berkehendakkan cara yang tertentu pada membayar dan memindahkan wang dan pada menerima barang-barang itu. Perkara-perkara ini tiada dapat diselenggarakan oleh juru-juru wang dan penyelenggara-penyelenggara cara lama. Dari itu bertukar penyelenggaraan kewangan itu kepada satu gedung yang tahu menjalankan perkara kewangan di antara seorang dengan seorang dan dengan badan-badan dan kumpulan-kumpulan dan dengan antarabangsa, dan gedung-gedung itu membuat berbagai-bagai kemudahan pada menyelenggarakan kewangan itu dan ia men-

RIBA DAN INTERES

Faedah yang diambil dari (Siri keenam)

menghutang dan menyimpan wang di bank:

dapat perhatian ramai dan keuntungan yang banyak. Gedung itu dinamakan bank.

Kerja-kerja bank

Setengah dari kerja-kerja bank itu ialah:

1. Memindahkan wang dari satu tempat ke lain tempat dengan sedikit bayaran.
2. Membuat cek pelayaran.
3. Menjual saham-saham kompeni dengan mendapat sedikit upah.
4. Memudahkan perkara pertukaran wang di antarabangsa.

Akan tetapi selain daripada kerja-kerja yang tersebut tadi, maka bank itu mengotorkan kerja-kerjanya dengan menjalankan riba, dengan memberi hutang, berhutang, mengambil dan memberi sehingga kerja-kerja riba itu suatu bahagian besar dari kerja-kerja bank.

Setengah dari kerja-kerja riba:

1. Menghutangkan peniaga dan lain-lain dengan suatu kadar hutang dengan bertempoh dan berhutang itu membayar balik tiap-tiap tahun kadar 6 atau 8 peratus tambahan di atas pokok hutang itu. Inilah yang dinamakan orang Arab dari zaman Jahiliyah dengan nama riba dan nama riba itu kekal sampai sekarang dengan ijmak ulama Islam di atas hutang berbunga.

2. Membeli surat-surat hutang yang bertanggguh. Ini juga masuk dalam bahagian menghutangkan dengan riba.

3. Menerima simpanan harta dengan membayar laba kepada orang-orang yang menyimpan itu dengan kadar 3 peratus setahun dan bank menjadikan harta simpanan itu sebagai hartanya dan bank menghutangkan orang

dengan kadar yang berganda dari faedah yang dibayar kepada penyimpan-penyimpan itu dan bank mendapat laba dengan kadar yang lebih itu dari antara dua bayaran itu.

Simpanan pada bank itu atas dua macam:

1. Simpanan yang ditentukan masa mengambil semula.
2. Simpanan bila-bila masa boleh diambil semula.

Simpanan yang tertentu masa adalah ditentukan menerima balik, biasanya tidak kurang dari 3 bulan, dan menurut aturan bank maka bank akan membayar balik lebih banyak faedah menurut panjang masa simpanan itu dengan tiada diambil balik.

Bank selalu memeringatkan orang-orang pada menyimpan wang supaya bank dapat tukaran wang. Telah didapati bahawa penyimpan-penyimpan tiada menarik semula wang melainkan kadar 10% dan yang lebih itu tinggal tetap di bank dan yang lebih itu menjadi modal bank iaitu ahli saham bank membayar seberapa sedikit bagi memajukan bank, dan wang simpanan mestilah diperolehi seberapa banyak.

Umpamanya sebuah bank ditubuhkan dengan modal 1 juta liras, selepas beberapa tahun wang simpanan menjadi 50 juta liras, biasanya bank memegang di antara 10 dan 25% dari jumlah harta yang ada di tangannya, dengan rupa wang bagi penggunaan hari-hari, kemudian bank itu membelanjakan sebahagian besar dari harta itu pada membeli saham-saham syarikat yang dipercayai, dan membeli surat-surat perniagaan bagi

syarikat-syarikat itu sekadar jumlah itu juga supaya bank ada harta dan bank dapat laba kadar 3 atau 5%, dan bank mengembalikan harta itu dengan menjual saham-saham dan surat-surat perniagaan itu bila-bila masa bagi menguatkan kedudukan bank ketika berlaku kemerosotan ekonomi. Dan baki dari simpanan itu bank menghutangkan kepada peniaga-peniaga dan kepada perusahaan dan bank bersungguh-sungguh pada memberi hutang itu supaya mendapat suatu kadar yang besar dari faedah.

Hakikatnya bank telah mengambil tempat juruwang yang ada pada zaman yang silam, tetapi bank mendapat kehormatan dan lebih kemas dari juruwang yang silam itu kerana gerak-gerinya berlaku dengan dikawal oleh undang-undang.

Undang-undang telah mengharuskan riba, maka pemodal-pemodal melaburkan modalnya dalam perniagaan dan pertukangan dan tanaman. Mereka menghutangkan rancangan-rancangan itu dengan bunga dalam kadar tertentu dalam sebulan atau setahun. Dan mereka mendapat untung dengan tiada penat lelah, bahkan dengan penat lelah orang lain, dengan tiada pemodal-pemodal itu menanggung sebarang kerugian, bahkan rugi terkena di atas tengkuk orang lain, melainkan si ceti itu yang tiada rugi. Apabila ditimpa rugi maka yang ditimpa bahaya semuanya ahli rancangan-rancangan itu, sementara si ceti selagi ia tiada merasa hutang bunganya ia akan merasa

dalam kecemasan. Apabila ia merasa cemas maka ia menarik hartanya dari rancangan-rancangan itu. Rugi akan menimpa ke atas



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 8 Julai hingga ke hari Selasa 14 Julai, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
8	12.27	3.51	3.52	6.36	6.37	7.52	7.53	4.57	4.43	4.58	6.13	6.14
9	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.57	4.43	4.58	6.13	6.14
10	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.58	4.44	4.59	6.13	6.14
11	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.58	4.44	4.59	6.13	6.14
12	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.58	4.44	4.59	6.13	6.14
13	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.59	4.45	5.00	6.14	6.15
14	12.28	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.59	4.45	5.00	6.14	6.15

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Persidangan Pengkajian Peradaban Islam

PERSIDANGAN Kali Ke-6 Akademik Diraja Bagi Pengkajian Peradaban Islam telah diadakan di Amman, Jordan pada 16 hingga 21 Jun lepas. Negara kita telah diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Penguasa Dakwah dan Tabligh di Pusat Dakwah Islamiah. Gambar atas kelihatan perwakilan negara kita semasa menghadiri persidangan tersebut. Semasa berada di Amman Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga berkesempatan mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien, Raja Jordan (lihat gambar atas sekali). — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

MARILAH sama-sama kita bertakwa dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Tidak berapa lama lagi bakal-bakal haji dari negara kita Brunei Darussalam akan mula meninggalkan kita menuju tanah suci Mekah dan Madinah. Sebagaimana yang

kita maklum bahawa menunaikan fardu haji itu merupakan salah satu tugas yang diwajibkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Ibadat haji juga merupakan sebesar-besar ibadat untuk bertakwarub (mendekatkan) diri kita kepada Allah kerana ibadat haji itu mengandungi berbagai-bagai kebaikan yang tidak pernah didapati dalam

Adab dan tatatertib tunaikan haji perlu dijaga

ibadat-ibadat yang lain ditunaikan dengan tubuh badan, hati dan pergerakan sekali.

Apabila seseorang itu telah berazam dan berniat untuk menunaikan fardu haji, hendaklah ia memelihara adab dan tatatertib atau peraturan dalam semua segi, baik ketika dalam pelayaran, atau ketika berada di Madinah atau di Mekah atau sesudah menunaikan fardu haji, kerana mereka yang menunaikan fardu haji itu adalah dianggap sebagai tetamu Allah yang mengunjungi rumah Allah, sebagaimana pernah disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Orang yang mengerjakan haji dan umrah itu adalah tetamu Allah, kiranya mereka memohon nescaya diberi, jika mereka berdoa nescaya dikabulkan dan jika mereka berbelanja nescaya diganti."

SAKRATUL MAUT

Sebelum para bakal jemaah meninggalkan kita hujjahul Islam Imam Ghazali rahimahullah telah menasihatkan bahawa Allah Taala telah mengumpamakan keberangkatan seseorang haji itu seperti keberangkatan ke

akhirat. Setiap kita menguruskan sesuatu urusan dalam pelayaran itu, hendaklah kita menggambarkan sesuatu perkara dari urusan akhirat yang menyamai atau setanding dengannya. Ketika memberi selamat tinggal kepada keluarga dan sahabat handai hendaklah kita merasakan seperti mengucapkan selamat tinggal ketika dalam sakratul maut, ketika menyiapkan segala perbelanjaan hendaklah awda meniatkan seperti menyediakan bekal untuk menuju ke akhirat. Ketika mengingat jauhkan perjalanan yang akan ditempuh, atau khuatirkan halangan dan rintangan di dalam perjalanan itu, hendaklah mengingat pula jauhnya perjalanan ke akhirat, mengingat pula fitnah Munkar dan Nankir dan siksa yang akan dirasa di dalam kubur kelak. Ketika kita berpakaian ehram yang serba putih itu, hendaklah kita mengingat pula kain kapan yang akan membalut tubuh badan kita sesudah mati, ketika bersaie antara Safa dan Marwah, hendaklah kita menggambarkan betapa gusarnya kita ketika berulang alik antara dua neraca timbangan (mizan) di akhirat untuk menentukan mana satu

neracanya yang berat, ketika berukuf di Arafah, kita menggambarkan betapa keadaannya berukuf di Padang Mahsyar. Begitulah sebagaimana daripada nasihat-nasihat dari Iman Ghazali.

Satu hal yang penting dalam konteks ibadat haji ini ialah niat, niat untuk menyahut seruan Allah, niat untuk berta'abbud (memperhambakan diri) semata-mata kepada Allah, jangan ada terselit niat untuk kebendaan. Apabila niat telah bulat untuk ta'abbud kepada Allah, hendaklah bertaubat dengan segera, dengan sebenar-benar taubat: Taubat untuk kembali ke jalan Allah, tunduk dan akur kepada perintah-Nya dan tidak lagi mahu melawan Allah dengan meninggalkan apa jua larangan-Nya. Apabila niat telah diperolehi, pastikan bahawa nafkah perbelanjaan kepada orang yang di bawah tanggungan kita cukup sempurna semasa ketiadaan kita.

Apabila niat telah ada, tentukan ada keluarga atau sahabat handai yang boleh membantu dan menolong kita di sana seperti dapat mengingatkan kita akan hukum-hukum yang berhubung

dengan ibadat haji supaya kecacatan ibadat haji dapat dielakkan dan tidak dilakukan. Apabila niat sudah ada, perbelanjaan yang disediakan untuk menunaikan fardu haji itu hendaklah dari kumpulan wang yang bersih. Apabila niat sudah sempurna, ingatkan kembali kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan kepada orang lain supaya akan dipohon maaf dan mohon halal jika termakan dan terminum, pendeknya, bagi menjamin ibadat kita berhasil dan diterima oleh Allah. Maka kita hendaklah mengikhlaskan niat semata-mata kepada Allah. Jangan ikut-ikutan melakukan perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik. Allah berfirman dalam surah Al-Kahfi ayat 110, taf-sirnya:

"Barangsiapa yang mengharap perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah ia mengerjakan amal yang salih dan janganlah ia mempersekutukan seseorang pun dalam beribadat kepada Tuhannya."

Adapun tatatertib, ketika berada di tanah suci pula, Allah telah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 197 yang maksudnya:

"Barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh rafath, berbuat fasih dan jidal (berbantah-bantah di dalam masa mengerjakan haji), dan apa yang kamu kerjakan berupa kebajikan, nescaya Allah mengetahuinya."

Dalam ayat tadi, Allah telah menerangkan di antara perkara larangan dalam mengerjakan haji itu ada tiga perkara yang besar, iaitu:


- i) Ar-Rafath — bererti segala sesuatu yang mengandungi pengertian sebagai ucapan-ucapan kotor dan memberahikan atau ber-setubuh.
- ii) Berbuat fasik pula bererti sesuatu ucapan yang mengandungi pengertian segala sesuatu yang keluar dari ketaatan kepada Allah Taala serta keyakinan padanya.
- iii) Jidal pula bererti berbantah-bantah di antara satu sama lain sehingga menimbulkan dendam dalam hati dan mungkin mengakibatkan timbulnya keolahan yang buruk yang tidak selayaknya dilakukan di tanah suci itu.

Sehubungan dengan ayat ini juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dalam sahih Al-Bukhari dan Muslim, maksudnya:

"Barangsiapa mengerjakan haji, sedangkan ia tidak mencampuri isteri dan tidak melakukan sebarang maksiat, keluarlah ia dari dosanya seperti hari diperanakkan oleh ibunya."

Mengenai perkara bid'ah pula, berkata Mufti Kerajaan Brunei menerusi fatwanya yang dikeluarkan oleh Pelita

Lihat muka 6



DI ANTARA tanda ham-pir berlakunya Hari Kiamat ialah orang Islam hanya mengucapkan salam kepada orang-orang yang dikenalnya. Gejala ini semakin jelas berlaku di hadapan kita sekarang ini. Apakah ini menunjukkan juga perasaan berkasih sayang itu sudah tidak begitu subur di jiwa kita orang-orang Islam? Selalulah kita mengingat bahawa menurut ajaran Islam kita digalakkan mengucapkan salam kepada orang Islam sama ada mereka sudah kita kenal atau belum. Kalau kita main pilih-pilih, hasrat untuk menjalin silaturahmi sesama Islam tidak tercapai. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Berilah orang-orang yang memerlukan makanan, ucapkanlah salam kepada orang yang telah engkau kenal atau belum asalkan ia orang Islam". Mengucapkan salam adalah menjadi hak bagi saudara seiman dan seagama. Rasulullah bersabda:

"Jika engkau berjumpa orang Islam, maka ucapkanlah salam kepadanya. Jadikanlah salam keislaman sebagai pembuka komunikasi, pembuka percakapan supaya kita beroleh keberkatan dalam pertemuan dan percakapan itu." Nabi mengingatkan kita: *"Sesiapa yang bercakap tanpa didahului dengan salam maka janganlah engkau menjawab percakapannya."* Menurut riwayat Ibnu Abbas ertinya: Iblis Laknatullah menagis, kecewa ketika dua orang mukmin saling salam menyalami dan mengeluh, selalu mereka, mereka tidak akan berpisah kecuali Allah mengampunkan dosa mereka oleh itu ingatlah sabda Rasulullah:

Ulama Islam berpendapat bahawa memberi salam itu hukumnya sunat tetapi menjawabnya adalah wajib. Ini mengertikan bahawa setiap orang Islam berusaha menjalinkan silaturahmi dan tidak menolak keberatan untuk berbuat demikian jika ditawarkan dengan ucapan

Jadikan salam pembuka komunikasi

"Apabila kamu duduk hendaklah mengucapkan salam dan mempersila kamu berdiri hendaklah ucapkan salam".

Ertinya ucapkanlah salam di awal pertemuan dan ketika hendak berpisah.

Bagaimanapun Islam melarang kita dari memberi salam keislaman kepada orang-orang bukan Islam, sabda Rasulullah:

"Janganlah kamu mendahului orang-orang Yahudi dan Nasrani dengan ucapan salam. Tetapi, dunia menjaga perasaan dan kemanisan dalam pergaulan dengan orang-orang bukan Islam, Islam menganjurkan kita menjawab salam Assalamualaikum Warahmatullahi wa Barakatuh."

Hari ini, kita sering mendengar orang-orang bukan Islam mengucapkan Bismillahir rahmanir rahim sehingga lailahailallah dengan bacaan dan tafsir, mungkin mereka terpengaruh dengan cara hidup kita orang Islam kerana mereka hidup di tengah-tengah masyarakat Islam. Sabda Rasulullah:

"Jika ahli kitab iaitu orang-orang Yahudi dan Nasrani memberi salam maka jawablah waalaikum."

Ulama Islam berpendapat bahawa memberi salam itu hukumnya sunat tetapi menjawabnya adalah wajib. Ini mengertikan bahawa setiap orang Islam berusaha menjalinkan silaturahmi dan tidak menolak keberatan untuk berbuat demikian jika ditawarkan dengan ucapan

salam. Ditakuti orang yang tidak menjawab ucapan salam itu akan mendapat kutukan dari para malaikat iaitu tidak mendapat rahmat Allah. Abdullah bin Masud meriwayatkan:

"Salam itu adalah nama dari beberapa nama Allah, kerana itu sebarankah salam di antara kamu. Dalam riwayat lain menyebutkan: Apabila seorang muslim memberi salam kepada suadaranya seorang muslim ia membalasnya, maka para malaikat memohonkan selawat 20 kali iaitu mendoakan kesejahteraan, tetapi jika ia tidak menjawab salam itu, maka para malaikat yang membalasnya sambil mengutuknya 70 kali."

Dalam hal ini Allah Subhanahu Wataala berfirman:

"Dan apabila kamu diberi penghormatan iaitu salam maka balaslah penghormatan atau salam itu dengan lebih baik. Sesungguhnya Allah itu selalu memperhitungkan sesuatu."

Menjawab salam itu wajib kerana itu jawablah salam itu menurut lafaz pemberinya iaitu jika diucapkan Assalamualaikum jawablah Waalaikum salam secara setimpal atau jawablah dengan cara yang lebih baik Waalaikum salam warahmatullah sebagai pertanda gembira mendapat ucapan selamat atau dengan kata lain kecil takap tangan nyiru ditadahkan inilah digalakkan oleh Islam.

Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam menggariskan tatacara dalam bersalam untuk mencapai maksud dan matlamatnya secara lebih berkesan, sabda Baginda:

"Orang yang memakai kenderaan, basikal, kereta dan seumpamanya hendaklah memberi salam kepada pejalan-pejalan kaki, pejalan kaki hendaklah memberi salam kepada yang sedang duduk. Rombongan yang kecil hendaklah memberi salam kepada rombongan yang ramai, yang kecil memberi salam kepada yang lebih tua darinya."

Bagaimanapun ini tidaklah bermakna ia sebagai perantaraan yang mesti dipatuhi sehingga amalan menyebarkan salam tidak berjalan dengan lancar kerana ada sikap saling menunggu atau harap mengharapkan, jadilah sebagai pemberi salam kerana:

"Sesungguhnya manusia yang paling utama di sisi Tuhan ialah orang yang mendahului memberi salam."

Selalulah kita mengingat bahawa dengan mengucapkan salam keislaman kita akan memperoleh pahala yang besar. Ini diperjelas oleh hadis Rasulullah seperti yang disampaikan oleh Emran bin Husain, seorang lelaki mengadap Rasulullah, mengucapkan Assalamualaikum; Nabi menjawab dan bersabda: Bagimu 10 kebaikan dan masuk lagi seorang laki-laki lain, mengucapkan Assa-

Menuju Keredaan Allah

lamualaikum warahmatullah; Baginda menjawab salaminya dan bersabda: Bagimu 20 kebaikan. Kemudian disusuli lagi oleh lelaki lain, mengadap Baginda dan mengucapkan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh; Baginda menjawab dan bersabda: Bagimu 30 kebaikan dan seterusnya disusuli lagi oleh laki-laki lain yang datang mengadap Rasulullah mengucapkan salam; Nabi menjawab dan bersabda: Bagimu 40 kebaikan. Demikianlah keindahan dan kehalusan ugama Islam serta pemurahnya Allah Subhanahu Wataala hanya dengan amalan ucapan salam yang mudah kita telah memungut point atau pahala yang dicatat sebagai amal saleh. Sesungguhnya Islam menekankan berbudi bahasa yang baik yang terkandung dalam salam sebagai penambat kasih sayang dan silaturahmi. Ucapkanlah dengan tulus ikhlas dan kebanggaan sebagai melambangkan identiti keislaman dan tidak merasa rendah diri kerananya lalu mengganti dengan ucap selamat yang kita pinjam dari budaya orang lain.

Adab dan tatatertib haji perlu dijaga

Dari muka 5

Brunei pada hari Rabu, 2 Julai 1986.

"Orang yang pergi haji ke Mekah Al-Mukarramah, kemudian dia berbuat perkara-perkara yang karut yang bertentangan dengan adab-adab dan hukum mengerjakan haji sebagaimana telah dibentangkan dalam kitab berkenaan dengan haji, maka orang-orang itu seorang ahli bid'ah dan hajinya tidak diterima oleh Allah (haji Mabru). Dalilnya suatu hadis yang biasa dibaca oleh orang Islam dalam kitab Al-Arbaina An-Nabawiya yang bermaksud, "Barangsiapa yang membuat dan mengadakan benda yang tiada di dalam Islam, dengan sesuka hatinya dikatakannya, benda itu ada di dalam ugama Islam, padahal benda itu tiada ada dalam Islam (seperti mengumpul kerak nasi di Arafah dan menawaskan duit di keliling Ka'abah) adalah di tolak dan jadi sia-sia bahkan sebaliknya dapat dosa dan neraka." — (riwayat oleh Al-

Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Selanjutnya mufti Kerajaan meneruskan dengan katanya:

"Sayugia bagi orang yang pergi haji itu diajarkan akidah Islam, dan perkara-perkara bid'ah, dan akibat mengerjakan bid'ah, dan akibat ikut kata-kata orang haji yang mengaku tahu perkara haji padahal ia jahil dan jangan dengar kata-kata orang yang pura-pura pandai itu kerana ilmu haji mereka ilmu sam-pok."

Oleh yang demikian, dalam menunaikan fardu haji itu adab dan tatatertib para bakal haji ketika berada di tanah suci perlulah dipelihara dan dijaga kerana kalau adab dan tatatertib tidak diambil perhatian, maka ini boleh menjejaskan amal ibadat haji yang ditunaikan itu.

Mudah-mudahan permegian bakal jemaah haji dari negara kita ini sentiasa dalam inayah dan hidayat Allah jua dan memperoleh haji yang mabrur yang diterima Allah, Amin.

MAKLUMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Adalah dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai khususnya penduduk di Kampong Anggerek Desa, Mukim Berakas, Negara Brunei Darussalam bahawa Pengiran Haji Yahya bin Pengiran Haji Hashim telah mengundur diri dari memegang jawatan sebagai

Ketua Kampong Anggerek Desa mulai 28 Mei, 1987.

Oleh yang demikian setiap perkara yang biasanya dijalankan atau bersangkut-paut dengan jawatan Ketua Kampong hendaklah dirujuk kepada Awang Haji Yaakub bin Haji Metali, Ketua Kampong Pancha Delima.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan berbilang dengan Tuan Sven Hultstrom, Menteri Perhubungan Sweden semasa Yang Berhormat membuat kunjungan muhibah kepada Tuan Hultstrom di Kementerian Perhubungan di Stockholm.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Ingvar Carlsson, Perdana Menteri Sweden semasa Yang Berhormat membuat kunjungan muhibah kepada Tuan Ingvar Carlsson di Jabatan Perdana Menteri di Stockholm.

MENTERI PERHUBUNGAN LAWAT PERANCHIS DAN SWEDEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan telah mengadakan lawatan ke Sweden dan Peranchis pada minggu lalu.

Semasa berada di Sweden, Yang Berhormat telah membuat kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Sweden, Tuan Yngve Terutamanya Tuan Ingvar Carlsson dan Tuan Yang Terutamanya Tuan Sven Hultstrom, Menteri Perhubungan Sweden. Perundingan Yang Berhormat berkisar mengenai dengan hubungan kerjasama di antara kedua-kedua kementerian di kedua-buah negara.

Sementara ketika berada di Peranchis pula, Yang Berhormat beserta rombongan telah membuat kunjungan muhibah kepada Tuan Gerard Longuet, Menteri Peranchis dan Tuan Jacques Doufflaques, Menteri Pengangkutan Peranchis.

Di samping itu Yang Berhormat juga telah menyaksikan pertunjukan udara kali ke-37 di negara tersebut.

Musabaqah Al-Quran tidak sama dengan peraduan menyanyi

TUTONG. — Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Tutong berkata, Peraduan Musabaqah Membaca Al-Quran tidak boleh disamakan tarafnya seperti peraduan nyanyian. Jika ada umat Islam yang menyamakannya,

orang sedemikian adalah terpesong dari ajaran Islam yang mulia.

"Apa yang perlu diingat dan yang paling penting ialah niat, niat yang semata-mata untuk kebaikan dan kebajikan iaitu terjauh dari niat bersukaria," tegasnya.

Oleh Zubaidah Haji Salat

Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Tutong, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar menegaskan demikian di Peraduan

Musabaqah Membaca Al-Quran Belia daerah itu yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Danau di sini pada hari Jumaat, 3 Julai lepas.

Menurutnya, dengan adanya musabaqah ini sudah semestinya akan memberikan kita kesedaran dan keinsafan bahawa natijah darinya akan dapat membantu umat Islam ke arah peraduan yang menjadi teras pembangunan negara, bangsa dan ugama.

Musabaqah Al-Quran ini adalah di antara beberapa usaha Majlis Belia Negeri, bagi meninggikan dan meningkatkan syiar Islam, di samping memberikan peluang kepada belia-belia khususnya bagi meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran.

Bagi Daerah Tutong, musabaqah belia tahun ini telah dikelolakan oleh Majlis Belia Daerah Tutong sendiri dengan kerjasama Persatuan Angkatan Melayu Danau (PAMDA). Enam peserta, tiga peserta lelaki dan tiga peserta wanita telah menyertainya.

Awang Ishak bin Haji Abd. Manaf dan Dayang Aminah binti Haji Abd. Manaf, kedua-duanya dari Persatuan PEKLAPS, Lubok Pulau

masing-masing telah muncul sebagai johan qari dan qariah.

Mereka merupakan peserta adik-beradik dalam musabaqah tersebut dan akan mewakili pasukan belia Daerah Tutong ke musabaqah belia peringkat negara yang dijangka akan diadakan Julai ini.

Tempat kedua bahagian qari ialah Awang Haslan bin Shahbudin dari Persatuan PAMDA. Sementara tempat kedua qariah dimenangi oleh Dayang Salseina Wati binti Haji Mohd. Hussein dari Persatuan Angkatan Muda-Mudi Kiudang.

Sejurus sebelum peraduan dijalankan, bacaan Al-Quran telah disampaikan oleh Dayang Siti Arbi binti Haji Libut, setelah itu diikuti dengan ucapan dari pengerusi peraduan, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Tahir.

Bagi menyerikan lagi majlis tersebut persembahan nasyid juga telah disampaikan oleh kumpulan nasyid PEKLAPS dan kumpulan nasyid PAMDA, Danau.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh tetamu khas di majlis itu, OKPI Haji Jilli bin Haji Ibrahim.

Peperiksaan London Chambers of Commerce

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan-persiapan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry Private Secretary's pada bulan Disember 1987 bagi perkara yang berikut:

Structure of Business, Communication, Shorthand Typewriting Duties, Office Organisation and Secretarial Procedures, Audio Typewriting Duties.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar secara tunai atau cek. Borang-borang permohonan yang telah diisi bersama dengan bayaran-bayaran yang berkenaan hendaklah sampai ke Jabatan Peperiksaan Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada 21 Julai, 1987.

PERADUAN KANAK-KANAK SIHAT

KUALA BELAIT. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei cawangan Daerah Belait akan menganjurkan Peraduan Kanak-Kanak Sihat, sempena sambutan hari keputeraan ke-41 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di daerah itu.

Peraduan tersebut dijangka akan diadakan pada 31 Julai bermula jam 7.30 pagi.

Ibu-ibu yang inginkan anak-anak damit mereka menyertai peraduan itu dinasihatkan supaya membuat pendaftaran di Klinik Kesihatan di daerah tersebut. Pendaftaran ditutup pada 25 Julai ini.



ORANG Kaya Pekerna Indera Awang Haji JMW bin Haji Ibrahim menyampaikan hadiah kepada johan qari di musabaqah tersebut, Awang Ishak bin Haji Abd. Manaf. — Gambar oleh Harun Rashid.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah mengumumkan satu strategi lima serampang sebagai usahanya untuk membasmi penyalahgunaan dadah.

Pengumuman itu dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Md. Taib, Menteri Pelajaran semasa berucap di Sidang Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah yang berlangsung di Vienna, Austria baru-baru ini.

Yang Berhormat berkata, strategi itu meliputi langkah-langkah pengawalan, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan, rawatan pemulihan dan usaha berterusan untuk memerangi pendedaran dadah dari seberang laut.

Yang Berhormat berkata, Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ASEAN telah pun melibatkan diri sepenuhnya di dalam beberapa projek bersama untuk membentasi penyalahgunaan dan pendedaran dadah. Antara projek yang dimaksudkan itu termasuklah Kursus-Kursus Latihan Penguatkuasaan Undang-

Undang Narkotik ASEAN dan kursus-kursus latihan Pemulihan Dadah ASEAN.

Sebelum itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran menegaskan pendirian Negara Brunei Darussalam dengan berkata bahawa negara ini menyedari sepenuhnya tentang potensi bahaya dadah terutamanya terhadap pembangunan yang dicapainya setakat ini. Sebagai negara kecil yang mempunyai penduduk yang muda, Negara Brunei Darussalam tidak mampu membiarkan gejala dadah merosakkan dan menjejaskan suasana ekonomi dan sosial dan keselamatannya.

Yang Berhormat mengakhiri ucapannya dengan melahirkan harapan agar sidang antarabangsa itu akan dapat mengembelikan kehendak politik negara untuk membentasi gejala dadah di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Sidang itu merupakan yang pertama yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ianya dihadiri oleh perwakilan dari 139 negara dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dipilih sebagai Presiden sidang itu.

STRATEGI 5 SERAMPANG BASMI DADAH



MENTERI Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika menghadiri Sidang Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah di Vienna baru-baru ini.

Pemerintah Kapal Perang Tentera Laut Amerika adakan kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemerintah Kapal Perang Tentera Laut Amerika, USS KIRK, Komander E.R. Diamond telah melakukan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu di Kementerian Pertahanan, Istana Nurul Iman pada pagi 3 Julai lepas.

Komander E.R. Diamond diiringi oleh Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Thomas Ferguson.

Perjumpaan itu dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan.

USS Kirk yang mempunyai 21 orang pegawai dan 270 orang kakitangan adalah dalam rangka lawatan selama empat hari ke negara ini.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan ketika menerima kunjungan hormat Pemerintah Kapal Perang Tentera Laut Amerika, USS KIRK, Komander E.R. Diamond. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

NASIB ORANG-ORANG CACAT SENTIASA DIBERI PERHATIAN

BERAKAS. — Sejak kebelakangan ini majlis-majlis meraihan orang-orang cacat bukan saja diungkuhkan oleh agensi-agensi Kerajaan malahan juga oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela di negara kita.

Ini adalah semata-mata untuk memperdulikan nasib orang-orang cacat dan menyempurnakan mereka ke dalam masyarakat kita. Kerjasama seperti ini sentiasa digalakkan demi untuk keba-

jikan mereka yang kurang bernasib baik.

Penolong Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dayang Misnah binti Haji Bolhassan berucap demikian di majlis meraihan lebih 300 orang-orang cacat seluruh negara pada 23 Jun lepas.

Menurutnya majlis serupa ini adalah salah satu aktiviti

tahun yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan. Ianya berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkih di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain dan Datin

Hajah Norlia telah menjadi tetamu kehormat di majlis pada petang itu.

Di samping menerima hadiah berupa derma sejumlah \$30.00 dan menikmati jamuan sempena hari raya, orang-orang cacat juga telah dihiburkan dengan berbagai acara nyanyian dan tarian serta lawak jenaka.

Keimanan yang teguh kekalkan kepercayaan beragama

BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit menegaskan bahawa keimanan yang teguh akan mengekalkan kepercayaan beragama, kesetiaan kepada raja dan negara supaya keamanan dan kemajuan umat Islam akan terus tercapai.

Ini menurutnya, dapat diperolehi dengan memahami

lebih mendalam isi dan kandungan Al-Quran kerana ianya adalah sumber keimanan umat Islam.

Berucap selaku tetamu kehormat di peraduan membaca Al-Quran dan menghafaz ayat-ayat lazim bagi saudara-saudara baru di sini pada hari Jumaat lepas, Awang Othman berkata ianya bertujuan untuk menggalakkan pembacaan kitab suci Al-Quran.

Beliau juga berharap peraduan serupa itu diadakan setiap tahun sebagai satu langkah untuk memelihara ugama Islam sebagai suatu kewajipan bagi setiap umat.

Peraduan yang bertemakan 'Beriman dan Beramal' itu berlangsung di Sekolah Agama Pengiran Muda Muhammad Bolkih di sini. Ia diadului dengan ucapan alu-aluan oleh pengerusi peraduan, Awang Damit bin Samat, Nazir Sekolah Agama Daerah Temburong.

Bahagian qari peraduan membaca Al-Quran dijuarai oleh Awang Mohd. Azrin bin Abdullah dengan mendapat 82 peratus. Ia juga merupakan peserta tunggal di bahagian qari.

Manakala bahagian qariah, johan ialah Dayang Rosmawani binti Mohd. Salleh mendapat 82 peratus, kedua, Dayang Fadillah binti Nordin, 80 peratus dan ketiga Dayang Siti Hazlini binti Abdullah dengan markah 79 peratus.

Dalam bahagian menghafaz ayat-ayat lazim, Haji Roslee bin Abdullah menduduki tempat pertama bahagian lelaki, kedua ialah Mohd. Zaki bin Abdullah dan ketiga Awang Samsul Rizal bin Abdullah.

Bahagian perempuan pula, pertama Dayang Siti

Zubaidah binti Abdullah dan kedua Dayang Norazalina binti Kassim.

Para pemenang dalam kedua-dua peraduan itu akan mewakili Daerah Temburong ke peringkat negara yang akan diadakan pada bulan September depan.

Menyerikan majlis pada hari itu termasuklah persembahan nasyid dari penuntut-penuntut Sekolah Agama Puni di sini.

BERKURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang Wadai dari Jabatan Penjara kini sedang mengikuti Kursus 'Pegawai Penjara Tingkatan II Lelaki' selama tiga bulan di Pusat Latihan Pegawai Penjara Malaysia.

Mereka ialah Awang Abu Bakar bin Haji Dagang, Awang Dazurati @ Anuar bin Haji Othman, Awang Puasa bin Haji Buang dan Awang Haji Saini bin Haji Maidin. Mereka telah memulakan kursus tersebut pada 5 Julai lalu.

Kursus akademik dan praktikal itu antara lain menyediakan jurusan-jurusan Akta dan Aturan-Aturan Penjara, pemeliharaan disiplin dan menjaga keselamatan orang-orang banduan, kepimpinan, peranan dan tanggungjawab Wadai serta latihan-latihan berkawat, senjata api dan cara memper-tahankan diri.

Selepas menjalani kursus tersebut, mereka akan mengikuti Latihan Penempatan selama lebih kurang sebulan di penjara-penjara Malaysia.

Unsur-unsur mengenai rasuah: ORANG RAMAI DIHARAP DAPAT MEMBUAT ADUAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Orang ramai adalah diharap akan meneruskan kerjasama mereka dengan memberikan maklumat-maklumat atau pengaduan mengenai perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur rasuah kepada pegawai-pegawai Biro Mencegah Rasuah.

Mereka yang ingin memberikan maklumat bolehlah berjumpa sendiri mana-mana pegawai Biro Mencegah Rasuah di Tingkat 3, RBA Plaza, Jalan Sultan di ibu negara atau melalui telefon 40575.

Awang Haji Jaidin bin Haji Kahar, Pegawai Pentadbir Biro Mencegah Rasuah dalam siaran akhbar baru-baru ini sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama kepada Biro Mencegah Rasuah selama ini.

Untuk makluman orang ramai bahawa Biro Mencegah Rasuah telah berpindah dari pejabatnya yang lama di Blok F5, Jalan Lapangan Terbang Lama ke tingkat 3, RBA Plaza, Jalan Sultan di ibu negara mulai 22 Jun yang lalu.

Telefon am bagi Biro Mencegah Rasuah di pejabatnya yang baru ini adalah masih tidak berubah iaitu 40575. Pegawai-pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah bolehlah dihubungi melalui telefon 40575 ini.

Biro Mencegah Rasuah mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan mengenai logo Biro Mencegah Rasuah yang telah pun mendapat limpah kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Logo Biro Mencegah Rasuah (BMR) itu adalah seperti yang ditunjukkan bersama ini dengan pengertian seperti berikut:—

Rantai berwarna gangsa (bronze)

Melambangkan perpaduan (unity) pegawai-pegawai dan kakitangan BMR terhadap Negara Brunei Darussalam tempat mereka berteduh. Bulatan yang merupakan rantai mengelilingi bendera Negara Brunei Darussalam melambangkan ikrar dan tekad BMR untuk sentiasa menjaga dan

Bendera Negara Brunei Darussalam:

Melambangkan kesetiaan dan kemegahan pegawai-pegawai dan kakitangan BMR terhadap Negara Brunei Darussalam tempat mereka berteduh. Bulatan yang merupakan rantai mengelilingi bendera Negara Brunei Darussalam melambangkan ikrar dan tekad BMR untuk sentiasa menjaga dan



LOGO Biro Mencegah Rasuah

mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Perkataan "Biro Mencegah Rasuah" dalam tulisan jawi, rumi dan Inggeris dalam warna merah:

Melambangkan keberanian dan azam BMR untuk menyiasat dan mengendalikannya apa jua kes tanpa mengira pangkat dan bangsa, dengan berpandukan kepada titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bulatan dalam warna putih:

Melambangkan tujuan dan azam BMR supaya ianya sentiasa bersifat adil dan saksama serta lurus, jujur dan amanah dalam segala perbuatan dan tindakannya.



PADA awal dan hujung minggu cuaca dijangka kering. Manakala hujan diramalkan berlaku di pertengahan minggu.

Ramalan cuaca ini bermula dari 8 hingga 14 Julai, 1987.



SEBAHAGIAN dari guru-guru yang menyertai seminar trend baru dalam pengajaran dan pembelajaran. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Moto Taat, Bersih, Cekap:

i) Taat:

Melambangkan moto BMR bahawa ianya adalah sentiasa taat kepada dan menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.

Melambangkan tujuan dan azam BMR supaya ianya sentiasa bersifat adil dan saksama serta lurus, jujur dan amanah dalam segala perbuatan dan tindakannya.

iii) Cekap:

Melambangkan tujuan dan azam BMR supaya ianya menjalankan tugas-tugas dengan tangkas dan cekap.

Moto BMR juga adalah dalam warna hijau iaitu melambangkan bahawa moto BMR ini adalah menurut dan selaras dengan aqidah Ahlunnah Wal-Jamaah.

Perkataan "Biro Mencegah Rasuah, Negara Brunei Darussalam" berlatar belakangkan warna kuning:

Melambangkan berlingkungnya BMR di bawah pemerintahan beraja di Negara Brunei Darussalam.

Panji-panji Negara Brunei Darussalam:

Melambangkan kesetiaan BMR terhadap Negara Brunei Darussalam dan sokongan BMR terhadap prinsip-prinsip yang terkandung dalam panji-panji.



KEDUTAAN Amerika Syarikat di negara ini telah mengadakan satu majlis jamuan bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan ke-211 negara tersebut pada malam 4 Julai lepas di Kelab Polo Diraja, Jerudong Park.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji

Awang Isa.

Juga hadir di majlis tersebut termasuklah duta-duta asing ke negara ini, Timbalan Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai dari Kedutaan Amerika Syarikat serta Pemerintah Kapal Perang Tentera Laut Amerika, USS KIRK, Komander E.R. Diamond dan anak-anak buah kapal perang itu.

Kelihatan dalam gambar, Yang Berhormat Pehin berbual mesra dengan Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, TYT Tuan Thomas Ferguson dan Komander E.R. Diamond di majlis tersebut — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



SEPULUH orang pekerja kesihatan sukarela dari Mukim Burong Pingai Ayer, Daerah Brunei-Muara dan Mukim Rambai, Tutong telah mengikuti Kursus Penjagaan Kesihatan Asasi, anjuran Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Ia dihasratkan bagi memberi para peserta kefahaman yang mendalam mengenai penjagaan kesihatan, asasi. Antara lain, ia mengajar cara merawat penyakit-penyakit ringan, pertolongan cemas, penjagaan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, masalah sosial dan perkara-perkara seperti pertanian, kebajikan dan bekalan air. Gambar atas memperlihatkan ketika para peserta bergambar ramai dengan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pg. Md. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg. Haji Abd. Momin di Pusat Orientasi Penjagaan Kesihatan Asasi, Subok.

67 guru hadir bengkel mengenai pengajaran dan pembelajaran

GADONG. — Lebih 67 orang guru Sekolah-Sekolah Rendah di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Tutong telah menghadiri bengkel mengenai trend baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang diadakan pada 25 Jun hingga 25 Jun lepas.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan

Hassanal Bolkiah dan dikanal oleh Dayang Marjan Aspinall, Pensyarah University College Cardiff dan dibantu oleh lapan Sarjana Muda Pendidikan.

Seminar itu bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya bahasa dalam pendidikan di samping meningkatkan mutu pendidikan di negara ini.

ROYAL BRUNEI **JIKA AWDA SUKA
MENGEMBARA**



***BERKHIDMATLAH SEBAGAI PRAMUGARI
DENGAN DIRAJA BRUNEI***

KELAYAKAN:

- a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.
- c) Kelulusan akademik sehingga tingkatan 5.
- d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangnya tinggi 1.55 metres (5' 1")
- e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.
- f) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris. Berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

FAEDAH-FAEDAHNYA

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga \$1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari bekerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk ditemuduga oleh pegawai pengambil-bilan pada hari dan tempat di bawah ini:

- A) Business Centre RBA Plaza, Bandar Seri Begawan pada 18 Julai 1987 di antara pukul 8.30 pagi - 12.00 tengah hari dan 1.30 petang - 4.30 petang.
- B) Pejabat Penerbangan Diraja Brunei Bangunan Hongkong & Shanghai Bank Chamber, Kuala Belait pada 20 Julai 1987 di antara pukul 9.00 pagi - 12.00 tengah hari dan 1.30 pagi - 4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubung dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu bekerja melalui telefon 02-40500 sambungan 202 atau 208.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

BAHAN-BAHAN SIARAN SUMBANGAN LUAR NEGERI

KOMUNIKASI penyiaran hari ini begitu penting peranannya. Menerusi alat-alat penyiaran elektronik seperti radio dan televisyen, hubungan di antara pemerintah dengan rakyat makin bertambah erat. Malah, antara sesebuah negara dengan negara lain dan seterusnya, sesebuah benua dengan benua di dunia ini dapat dijalinan bagi mendapatkan kerjasama antara bangsa.

Menerusi bidang kerjasama media radio dan televisyen banyak perkara-

perkara yang berfaedah dihasilkan dan diperolehi, iaitu seperti pengetahuan sains dan teknologi, kebudayaan, ekonomi dan sebagainya untuk diserapkan dalam kehidupan manusia bertamadun hari ini.

Begitulah halnya dengan perkembangan perkhidmatan radio kita hari ini, sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dengan organisasi-organisasi penyiaran di luar negeri, semata-mata bagi meningkatkan pengetahuan dan juga nilai-nilai kemanusi-

an dari berbagai-bagai aspek kehidupan.

Perkhidmatan Radio Brunei yang telah diasaskan 30 tahun dahulu sememangnya telah banyak memberikan perkara-perkara yang bermanfaat kepada masyarakat di negara ini. Rancangan-rancangan tempatan yang kita terbitkan sendiri misalnya, tidak dapat dinafikan lagi telah setaraf dengan terbitan-terbitan dari luar negeri. Manakala, bahan-bahan sumbangan luar negeri pula adalah merupakan 'bahan tambahan' yang agak berfaedah juga, untuk mengadun pengetahuan pendengar di negara ini.

Antara bahan-bahan siaran yang disumbangkan dari luar negeri tersebut ialah Sains dan Perusahaan, Tinjauan, Bangsa-bangsa, Di Udara dan juga Lagu-lagu ASEANIKA.

Bahan-bahan siaran sumbangan dari luar negeri ini tentulah mempunyai perbezaan di segi isi dan teknik persembahannya. Umpamanya, rancangan Sains dan Perusahaan lebih menitik-beratkan hal-hal yang berhubung dengan sains perubatan, teknologi pertanian, perindustrian dan sebagainya. Manakala, rancangan Tinjauan pula lebih banyak memaparkan perkembangan semasa hal-hal sosial di Britain dan juga negara-negara Eropah. Kedua-dua rancangan ini adalah sumbangan dari BBC.

Sementara Bangsa-bangsa Di Udara pula adalah

merupakan rancangan hiburan berbentuk bangsanawan ataupun 'lakonan purba,' yang dipadankan dari cerita-cerita dongeng, cerita-cerita rakyat dan cerita-cerita panji. Unsur-unsur cerita, bahasa dan latar balakang kejadian lebih banyak melukiskan gambaran 'Sastera Melayu Lama,' yang menjadi warisan bangsa Melayu hari ini. Rancangan ini adalah merupakan sumbangan tetap dari SBC.

Manakala, lagu-lagu ASEANIKA pula merupakan pelbagai dan juga beraneka jenis lagu-lagu dari negara-negara ASEAN. Rancangan ini adalah merupakan rancangan bertukar-tukar lagu antara negara-negara ASEAN, bagi meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang seni dan kebudayaan.

Sesungguhnya, bahan-bahan siaran sumbangan dari luar negeri bukan saja dapat meningkatkan pengetahuan hal-hal dunia luar, tetapi, rancangan tersebut juga dapat menghiburkan masyarakat pendengar di negara ini.

Sandiwara Radio:

"MENGHARAP SINAR"

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul 'MENGHARAP SINAR,' tulisan Rohaidah Kinchai. Sandiwara yang berikhsar di kalangan penuntut ini, memperlihatkan tentang perbezaan sifat dua orang penuntut yang berasal dari pedalaman dan melanjutkan pelajaran di kota.

Sejak Mantil belajar di kota, ibunya cuba dengan sedaya-upaya untuk menambah pendapatan mereka sekeluarga, memandangkan gaji suaminya yang tidak mencukupi untuk kehidupan mereka. Yang lebih mendorongnya mencari rezeki yang lebih ialah bila mengingatkan Mantil, anak sulungnya yang dalam fahamannya benar-benar belajar untuk memperolehi kejayaan.

Rupa-rupanya, Mantil tidak seperti yang diduga oleh ibunya. Jumat, teman sekampung dan teman seperjuangannya di sekolah cuba untuk memberi peringatan kepada Mantil

agar lebih menumpukan perhatiannya terhadap pelajaran.

Malangnya segala nasihat Jumat itu tidak diindahkan Mantil. Ia lebih suka menghabiskan masa di luar asrama bersama teman-temannya yang lain. Ia menghabiskan wangnya dan sudah mula berjinak-jinak untuk berhutang sesama teman sekolahnya.

Rupa-rupanya, Mantil terikut-ikut dengan kegiatan teman-teman yang rosak disiplin penuntut. Mereka beramai-ramai belajar menghisap rokok dan menghidu gam. Apabila perkara itu sampai ke pengetahuan guru besar, Mantil terus digantung dari sekolah dan di buang dari tinggal di asrama. Bagaimanakah reaksi orang tua Mantil bila mengetahui akan hal itu? Ikutilah siarannya nanti pada 12 Julai, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Jamilah Abdullah.



Sudut Remaja

GADIS remaja yang akan mengisikan sudut Remaja Minggu Ini ialah Mardiah Mahmud. Berusia 17 tahun giat menyanyi dan menari.

Si manis 17 ini akan bersama awda pada hari Isnin 13-Julai, 1987, jam 4 petang dan akan diulang lagi siarannya pada hari Rabu 15 Julai, 1987, jam 8.30 malam.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	8.7.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	8.7.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	8.7.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Pulaie	8.7.1987	Rabu	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	9.7.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	11.7.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	11.7.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	11.7.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	11.7.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	11.7.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	11.7.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	13.7.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	13.7.1987	Isnin	8.30- 9.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	14.7.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas	14.7.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	14.7.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	14.7.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	14.7.1987	Selasa	4.30- 5.00 "
Cuti Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	15.7.1987	Rabu	



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 1 Julai, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

- Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 40
 - Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
- Beras Pulut segantang \$2.80.
 - Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- Kacang Soya 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - Chop Chee Guan No. 4, Jalan McArthur.
- Mee Kuning (Folcoo & Moon) sebungkus 40 sen.
 - Chop Chin Seng No. 107 Jalan Pemancha.
 - Kedai Chop Ken Ken No. B2 Jalan Robert.

TUTONG

- Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 50 sen.
 - Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.
- Beras Pulut segantang \$3.00
 - Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang
 - Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- Kacang Soya 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- Mee Kuning (Folcoo & Moon) sebungkus 50 sen.
 -

- Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA

- Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 45 sen.
 - Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- Beras Pulut segantang \$3.00.
 - Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- Kacang Soya 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- Mee Kuning (Folcoo & Moon) sebungkus 40 sen.
 - Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT

- Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 40 sen.
 - Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
- Beras Pulut segantang \$2.70.
 - Chop Lian Ho No. 24 Jalan Pretty.
- Kacang Soya 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- Mee Kuning (Folcoo & Moon) sebungkus 40 sen.
 - Kedai Teo Hing Hng No. 45 Jalan Pretty.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU
8 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 EUREKA: "Play The Games"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Fury Of The Deep"
5.45 RINGKASAN BERITA
6.20 SURVIVAL: "The Mystery Of The Flying Worms"
Dalam rancangan kali ini memaparkan tentang penyiasatan kemunculan askar ulat yang begitu banyak di Afrika Timur dan mendapati ulat itu sebenarnya bukan ulat tetapi ulat bulu jenis rama-rama.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 WORLD OF SURVIVAL — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SMALL WONDER: "Who's The Boss"
7.53 AZAN ISYAK
7.57 L.A. LAW: "Episod Pengenalan" Bhg. II
9.00 WARTA BERITA
9.25 MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.35 SUDUT PELITA
9.40 LIPUTAN NASIONAL
10.10 BIMBINGAN ISLAM
10.20 THE COLBY'S: "No Exit"
11.10 SPORTS: Rothmans Snooker 1986
12.10 SIARAN TAMAT

HARI KHAMIS
9 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ONCE UPON A TIME: "Helping Hand" (ulangan)
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 GHOSBUSTERS: "The Princess And The Troll" (Episod akhir)
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 GHOSTBUSTERS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WEBSTER: "The Big Sleepover"
George and Katherine bersetuju membenarkan rakan Webster bermalam di rumah mereka tetapi apabila mendapati rakannya itu seorang gadis kecil, mereka mula memikirkan yang bukan-bukan, lebih-lebih lagi bila Webster mendesak mereka tidur sebilik.
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MIAMI VICE: "Florence Italy"
9.00 WARTA BERITA
9.25 MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.35 HIDAYAT
10.05 BIMBINGAN ISLAM

- 10.15 DUNIA MINGGU INI
10.45 MAGNUM P.I.: "Kapu"
Magnum tercedera apabila cuba memberi perlindungan kepada seorang gadis pulau yang menyaksikan satu pembunuhan.
11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Unnatural Causes: The Agent Orange Story"
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT
10 JULAI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan
1.00 MUTIARA/NADASARI

PETANG

- 1.25 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Ghosts And Us" (Siri baru)
1.55 RACCOON: "Surprise Attack" (Siri baru)
2.15 ARENA SUKAN
3.15 MASK (Siri baru)
3.54 AL-KISAH: "Gajah Dengan Ayam" (ulangan)
3.52 AZAN ASAR
3.56 AL-KISAH — sambungan
4.05 LIFE WITH LUCY: "Lucy's Green Thumb"
4.30 ODYSSEY FEATURES: "Wrap Speed" Bhg I
5.20 Q.E.D.: "The Bat, Blossom And The Biologist"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 FARRINGTON OF THE FO:
6.15 MUPPET BABIES
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 MUPPET BABIES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE MAKING OF... "Deathwish III"
7.58 HOT PURSUIT: "Dead Game"
Kate yang menyamar sebagai perempuan bujang dan diterima bekerja di sebuah logi kimia sementara Jim pula diterima bekerja di sebuah kedai runcit yang mana mereka dapati tempat bermastautin mereka yang baru ini menyembunyikan suatu misteri di mana sebahagian dari penduduk dan binatang-binatang liar ditemui mati.
7.53 AZAN ISYAK
7.58 HOT PURSUIT — sambungan
9.00 WARTA BERITA
9.25 MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.35 LIPUTAN NASIONAL
10.05 BIMBINGAN ISLAM
10.15 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Reconcilable"
10.45 KNOTS LANDING: "The Legacy"
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU
11 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 360 DEGREES: "Mexico"
5.45 RINGKASAN BERITA

- 5.50 ALF: "Stranger In The Night"
Wille dan Kate merasa keberatan untuk meninggalkan Alf dan Brian di rumah di bawah jagaan jiran mereka, Mrs Ochmonek. Walaupun Alf diarahkan untuk tinggal bersembunyi di bilik tidur namun dia tidak dapat duduk diam dan begitu seronok bersama penjaga yang gementar.
6.20 THUNDERCATS
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THREE'S COMPANY: "Jack Be Quick"
7.53 AZAN ISYAK
7.58 THE WIZARD: "The Tribe"
Sebuah kumpulan bermotosikal yang diketahui oleh Logan menyerang sebuah perkampungan India yang miskin. Tommy Lone Eagle, salah seorang budak dari suku kaum itu dapat melarikan diri untuk mencari Simon dan memberitahunya bahawa kampung mereka telah ditawan oleh sekumpulan penjahat. Simon bersetuju menolongnya.
9.00 WARTA BERITA
9.25 MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.35 BIMBINGAN ISLAM
9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Membakar Matahari"
11.15 ENTERTAINMENT THIS WEEK
12.10 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD
12 JULAI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 MUSICAL: "Julian Lenon — Stand by Me"
12.28 AZAN ZUHUR
12.33 MUSICAL — sambungan
PETANG
1.05 REAL PEOPLE
1.55 TAYANGAN GAMBAR:
3.25 SMURFS
3.52 AZAN ASAR
3.56 SILVERHAWKS
4.20 DRAMA INDONESIA: "Secerah Wajah Sejuta Rasa" Bhg II
5.00 SPORTS: Embassy World Darts — Peringkat Akhir
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CENTURIONS
6.15 GROWING PAINS
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 GROWING PAINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 ALLO ALLO
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MATLOCK: "The Judge"
9.00 WARTA BERITA
9.25 MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.35 SUDUT ASIA
10.05 BIMBINGAN ISLAM
10.15 6TH ASEAN FESTIVAL OF PERFORMING ARTS 1987: "Country Night Persembahan Indonesia"
11.05 SPEARFIELD'S DAUGHTER (Episod akhir)
11.55 THE EDGE OF DARKNESS (Episod akhir)
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN
13 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 UNDER FIVE
4.55 JOHNNY QUEST: "Aliens Among Us"
5.20 THE WORLD ABOUT US: "Prisoners Of Paradise"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 WORLD ABOUT US — sambungan
6.15 EDISON TWINS: "The Case Of The Friendly Fugitive"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 EDISON TWINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 HEART OF THE CITY
7.53 AZAN ISYAK
7.58 HEART OF THE CITY — sambungan
8.15 RENCANA KHAS: Menjelang Puja Usia Kebawah D.Y.M.M. — Bhg. I
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 SUPERSTAR OF WRESTLING
11.00 TAYANGAN GAMBAR:
12.40 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA
14 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LETS READ WITH BASIL BRUSH
4.55 THE KID FROM 47A: "A Hand In Marriage"
Jess dilamar oleh Peter, anak saurara majikannya. Tetapi ia tidak bersedia memecahbelahkan keluarganya. Peter dan anak-anak Jess mempunyai jalan sendiri untuk menyelesaikan masa depan.
5.20 PUNKY BREWSTER: "Switchin' Places"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TUNAS BIMBINGAN (ulangan)
6.15 CHARLES IN CHARGE: "Brother's Keeper"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.43 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.53 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 JUST GOOD FRIENDS (Siri baru)
7.53 AZAN ISYAK
7.58 STARMAN
9.00 WARTA BERITA
9.25 RENCANA KHAS: Menjelang Puja Usia Kebawah D.Y.M.M. — Bhg II.
10.25 BELIA
10.45 BIMBINGAN ISLAM
10.55 NORTH AND SOUTH
11.45 EASY STREET: "Demon Child"
12.20 SIARAN TAMAT.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PENYELIA PERHUBUNGAN :

(Bilangan Kod : 105 35-975)

(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) — Satu mata pelajaran peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
— Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari tiga tahun.
— Telah ditetapkan dalam jawatan
- c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik
- d) Berpengalaman bekerja dalam bidang perkhidmatan Pengurusan/Pentadbiran/Perjalanan Telex dan seumpamanya merupakan satu kelebihan
- e) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon lelaki.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membuat urusan-urusan penempahan bilik-bilik hotel, tiket-tiket dan kenderaan-kenderaan.
- Membuat urusan-urusan ketibaan/pemergian Pegawai-pegawai dari Negara Brunei Darussalam.
- Membantu membuat urusan-urusan jamuan-jamuan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai dari Negara Brunei Darussalam seperti tempahan bilik-bilik makan di restoran.
- Membantu membuat urusan-urusan pembelian barang-barang pejabat dan dari Negara Brunei Darussalam.
- Membantu Pegawai-pegawai Perwakilan ini dari segi memberikan maklumat mengenai Negara Brunei Darussalam yang dikira tidak sensitif dan tidak bertentangan dengan dasar kerajaan.

2) PEMBANTU REKOD-REKOD PERUBATAN :

(Bilangan Kod :

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur 18 tahun ke atas.
- i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- iii) Sedang dan telah berkhidmat di Bahagian Rekod-rekod Perubatan sekurang-kurangnya lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bersedia bertugas di bahagian di lain-lain tempat (Klinik-Klinik Perubatan) yang ada mempunyai hubungan dengan kerja-kerja dan pentadbiran bahagian Rekod-rekod Perubatan.
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan keselamatan Rekod-rekod Perubatan yang di bawah jagaannya.

3) PENOLONG PENGURUS PENTAS :

(Bilangan Kod : 009 17-641)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- b) Pengetahuan dalam peraturan penerbitan dan berminat dalam drama dan hiburan secara umum adalah diperlukan.
- c) Dapat menunjukkan bakat dalam penerbitan rancangan boleh dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu Pengurus Pentas dalam tugas-tugasnya dengan apa cara yang diperlukan dan adakalanya perlu bertugas sebagai Pengurus Pentas. Juga mengawas urusan-urusan kecil dalam penerbitan, misalnya keselamatan, memberi isyarat kepada artis-artis tambahan, dan lain-lain.

4) PEMBANTU PENGAWAS BENGGEL :

(Bilangan Kod : 068 70-022)

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
- i) — Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
— Berkebolehan dalam mengawal bengkel pertukangan.

ATAU

- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Pengawas Bengkel tidak kurang lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu Pengawas bengkel di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam di Berakas dan memastikan kerja-kerja mekanik elektrik dan pertukangan kayu begitu teratur.

5) MERINYU PERANCANG :

(Bilangan Kod : 096 70-116)

(Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- b) Pengalaman praktikal dalam kerja luar, seperti memeriksa bangunan dan jahu membaca pelan Bangunan/Kejuruteraan/kontor keadaan muka bumi negara ini akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Memeriksa permohonan di kawasan kawalan Bangunan/Kemajuan Tanah.
- Memeriksa permohonan TOL/Lesen/Gantian Tanah/Tukar Syarat Tanah dan lain-lain permohonan yang diarahkan di semua daerah di negara ini.
- c) Membuat laporan segala kegiatan kemajuan yang dilakukan tanpa kebenaran di kawasan kawalan.

6) MEKANIK TINGKAT KHAS :

(Bilangan Kod : 074 84-325)

(Di Jabatan Pos, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) City and Guilds dalam Bahagian Mekanikal atau Automotive atau kelulusan dan bidang yang berkaitan yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Mekanik Tingkat I atau Mekanik tidak kurang dari lima tahun.
- b) Mempunyai lesen memandu yang sah sekurang-kurangnya kelas 3.

7) PENGAWAS KAKITANGAN PENTAS :

(Bilangan Kod : 009 17-332)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman sebagai Kakitangan Pentas.
ATAU
- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama lima tahun sebagai Kakitangan Pentas.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Kepada Scenic Master bagi mengawas sepasukan individu Kakitangan Pentas yang ditugaskan di Studio bagi pergerakan lengkap set-set Studio mengikut pelan-pelan pentas. Menyusun set-set di tempat-tempat penyimpanan set-set setelah rakaman selesai dan set dirobohkan (dibuka).

8) TUKANG TEROPONG PERCUBAAN :

(Bilangan Kod : 062 05-459)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
ATAU
- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 10 tahun dalam kerja-kerja di Makmal mengenai dengan penghapusan malaria.
- b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mengikuti latihan dalam kerja-kerja microscopic.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Mendaftar, mewarna (stain) dan memeriksa contoh-contoh darah bagi mengesan parasit malaria dan cacing urut (microfilaria).
- b) Mengemaskinikan rekod-rekod dan memelihara alat-alat di makmal.
- c) Mengambil contoh-contoh darah daripada pekerja-pekerja asing.

9) PEGAWAI MELESEN PERIKANAN :

(Bilangan Kod : 036 64-971)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Ilmu Hisab dan Kaji Hayat.

- ii) Berpengalaman dalam bidang kerja-kerja perikanan dan alat menangkap ikan tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

- b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Perikanan Rendah atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari lima tahun.
- c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama lima tahun serta telah lulus dalam kursus-kursus anjuran Jabatan Perikanan dan telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi akan juga dipertimbangkan.

10) KERANI PERKAPALAN :

(Bilangan Kod : 060 39-997)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji : 3-4-5 EB. 6 \$900-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
- i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
- ii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran (termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik) serta dua tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

ATAU

- iii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Kerani Tingkat III sekurang-kurangnya tiga tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Melayan dan memproses permohonan-permohonan bagi melesen kapal dan bagi mendapatkan pelepasan pelabuhan.
- Menerima dan memproses laporan-laporan ketibaan kapal-kapal.
- c) Menyediakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan siji-siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1987.

(E/99/82)

(Bilangan Pendaftaran : 72/1987)

KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Julai, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

TAWARAN BIL. 41/1987

- Tyre, Yokohama, Model : Y98, 10.00 x 20 — 14 Ply — 100 Nos
- Tyre, Yokohama, Model : Y20, 10.00 x 20 16 Ply — 100 Nos
- Tyre, Yokohama, Model : Y67, 16.00 x 25 — 28 Ply — 12 Nos
- Tyre Tubeless 17.5 x 25-12 Ply, "SGL" or Equivalent — 50 Nos
- Tyre Tubeless Michelin Model : XXZ 185 SR x 14 — 300 Nos
- Tyre Tubeless Yokohama Model : Y884, 195/70HR x 14 — 100 Nos
- Tyre, Tubeless Michelin, Model : XWX, 205/70 x 14 — 100 Nos

TAWARAN BIL. 42/1987

- Liquid chlorine to BS23947 : 1976 Packed in 1,000 Kilos Drum
Analysis : Chlorine Content (Minimum) — 99.5%
Water Content (maximum) — 100 Mg/Kg
Residue on Evaporated — 200 Mg/Kg
Nitrogen Trichloride — 0.007%
Quantity : 150 Drums
Delivery : To be supplied in monthly shipment of 12 drums w.e.f. January 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu bekerja.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) TUKANG PELAN:

- A) (Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 057 03-293)
B) (Di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 026 03-293)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU

- b) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dalam mata pelajaran Teknikal Drawing atau Lukisan.

ATAU

- c) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Tukang Pelan atau Tukang Lukis selama tiga tahun.

2) PENGAWAL KESELAMATAN:

(Bilangan Kod: 076 58-996)

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: D. 1 EB. 2 — \$530-\$820 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- b) Bertutur dalam bahasa Inggeris dan Cina adalah satu kelebihan.
c) Boleh membuat laporan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a. Memeriksa kargo-kargo yang masuk/keluar mengikut peraturan yang teratur.
b. Mengawasi pengimport atau wakil tidak melanggar atau mencabuli polisi Jabatan-jabatan Kerajaan.
c. Mengawasi kargo yang disimpan di dalam gudang atau kawasan terdedah.
d. Mengawasi apa juga kargo yang dicegah masuk ke dalam negeri ini (seperti dadah atau yang sejenis dengannya serta barang yang d. tegah dibawa masuk oleh undang-undang negara ini).
e. Mengawasi keselamatan bangunan dan kenderaan Pelabuhan ini termasuk harta benda awam yang tersimpan di dalam kawasan pelabuhan agar tidak dirosakkan atau dicuri.
f. Mempastikan Pengimport/Consignee yang mengambil kargo ada mempunyai dokumen yang sah atau pemegang pas yang ianya dibenarkan masuk di dalam gudang.

3) PEMBANTU TEKNIK:

(Bilangan Kod: 028 03-393)

(Di Bahagian Pelajaran Teknik dan Latih Kerja, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) Mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
b) i) Mempunyai salah satu daripada kelulusan-kelulusan yang berikut dalam bidang-bidang teknikal yang bersesuaian yang diperolehi dari Sekolah-sekolah Teknikal ataupun Institusi-Institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan.

- TEC Diploma
- Ordinary National Diploma
- TEC Certificate
- Ordinary National Certificate
- City and Guilds Technical Certificate Part I and Part II (T3)

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pelatih Pembantu Teknik tidak kurang dari tiga tahun yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang teknikal yang bersesuaian yang telah ditetapkan dalam jawatan.
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V selama tidak kurang dari lima tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai pengalaman teknikal yang bersesuaian.

4) PEMBANTU MAKMAL/BILIK KULIAH

DEMONSTRASI: (Bilangan Kod: 079 05-455)

(Di Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Dua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) City and Guilds of London Institute Certificate No. 755 Laboratory Science Assistance.

ATAU

- iii) City and Guilds of London Institute Craft Certificate.

ATAU

- iv) Sijil dari Institusi-institusi tempatan di peringkat craft atau yang sebanding dengannya.

- b) Berkebolehan menguasai dua bahasa termasuk Bahasa Inggeris dan pengalaman dalam kerjaya makmal adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a. Bertanggungjawab ke atas stor, menyimpan dan memelihara peta-peta, gambar-gambar, alatan, alat bantu mengajar dalam pengawasan Ketua Jabatan.
b. Menjaga daftar barang-barang keperluan jabatan, memelihara alatan dan radas-radas dalam keadaan baik setiap waktu.
c. Mengeluarkan peta-peta, alatan dan lain-lain alat bantu mengajar kepada Pegawai Akademik dan Pelajar.
d. Membantu pensyarah dan pelajar dalam bidang melukis peta, terutama sekali di dalam penyediaan peta-peta dan rajah-rajah.
e. Membantu Pensyarah dan pelajar di dalam makmal, menjalankan praktikal dan juga kerja luar.

5) PENOLONG GURU TUKANG KAYU SENILUKIS:

(Bilangan Kod: 068 13-251)

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 30 hingga 50 tahun.
b) Berpengalaman dan berpengetahuan bagi mengukir alat-alat dari bahan-bahan kayu, tanduk, gading dan sebagainya.
c) Berpengalaman mengajar seni pertukangan sekurang-kurangnya dua tahun dalam kerja-kerja pertukangan kemahirannya.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Membantu dalam kerja-kerja mengajar peserta kursus dalam bidang seniukir mengukir kerja di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

6) PENGATUR REKA LETAK:

(Bilangan Kod: 056 92-125)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
b) Mahir dalam Bahasa Melayu dan dapat membaca jawi.

- c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang penerbitan termasuk mengatur rekaletak.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Mengendalikan rekaletak untuk penerbitan buku dan majalah di jabatan ini.
b) Memastikan penghasilan rekaletak buku dan majalah dengan baik dan teratur.

7) PEMBANTU PEGAWAI FOTO KHANAH:

(Bilangan Kod: 009 19-109)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

- b) Mempunyai tulisan tangan yang kemas adalah kelebihan.

- c) Pengetahuan dalam kerja-kerja perkeranian seperti taip-menaip failing dan indexing akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Membantu Pegawai Foto Khanah dalam kerja-kerja menjaga foto khanah gambar-gambar, slide-slide dan negatif. negatif termasuk semua rekod dan indeks serta juga membantu untuk memastikan pembahagian dan pengambilan gambar-gambar dan slide-slide yang teratur.

8) JURUTEKNIK TERNAKAN:

(Bilangan Kod: 004 05-496)

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 18 dan 28 tahun.

- b) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- ii) Sijil Pertanian dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang menjalani kursus selama dua tahun sepenuh masa atau sebanding dengannya adalah diutamakan.

- c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang boleh menguasai dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Pengendali semasa ketadaannya jika diarahkan.

- b) Menjalankan dan melaksanakan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan bahagian, selaku Pengendali, membuat catatan-catatan kemajuan rancangan dan menyediakan perbekalan dan keperluan tahunan bagi bahagian.

9) PENGENDALI PENYEDIAAN DATA-DATA

(Bilangan Kod: 062 34-222)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- b) Berkebolehan dalam menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dan fasih dalam Bahasa Melayu.
c) Keutamaan adalah diberi bagi mereka yang mempunyai pengalaman dalam penggunaan apa jua jenis sistem komputer.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu dalam kerja-kerja penyediaan data-data untuk dimasukkan ke dalam komputer.
b) Membantu dalam kerja-kerja memasukkan data di mana-mana bahagian yang memerlukan bantuan seperti untuk sistem maklumat makmal dan jua inventory.
c) Membantu dalam kerja-kerja yang perlu dilaksanakan bagi kelancaran perjalanan sistem komputer atas arahan penyelia pengendali komputer.

10) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:

A) (Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri) (Bilangan Kod: 009 39-142)

B) (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan) (Bilangan Kod: 062 39-142)

Tanggagaji: D. 2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

- b) Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.
c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Penyiaran dan Penerimaan

Bertanggungjawab kepada Penyelenggara Stor Tingkatan Khas melalui Penyelenggara Stor Tingkatan I bagi kerja yang melibatkan pengambilan, memasukkan dan mengeluarkan barang-barang Stor. Mengambil barangan dari luar (State Store, Post Offices, Pelabuhan dan Lapangan Terbang dan lain-lain) adalah tugas seharian.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan

- a. Menjaga Stor Pergigian Negara dan bertanggungjawab kepada Pakar Pembedahan Pergigian.
b. Membuat indent bekalan-bekalan pergigian dan lain-lain bekalan dari Stor Perubatan Negara dan membekalkan klinik-klinik pergigian.
c. Pembantu Ketua Bahagian menyediakan anggaran belanjawan bagi bekalan pergigian dan alat-alat perkakas pergigian bagi Negara Brunei Darussalam.
d. Menyediakan senarai keperluan bagi Bahagian Pergigian dari masa ke semasa atau apabila diperlukan oleh Ketua Bahagian.
e. Menyimpan rekod terima dan keluaran bekalan-bekalan pergigian dan alat-alat perkakas.

11) PENYELENGGARA STOR TINGKAT I:

(Bilangan Kod: 079 39-141)

(Di Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji: D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) TEC/BEC Diploma dalam "Purchasing and Supply" atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat II tidak kurang dari lima tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b) Mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan, Ilmu Hisab, Penyelenggaraan Stor atau pembelian alat-alat merupakan satu kelebihan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1987.

(E/184/76)

(Bilangan Pendapatan: 69/1987)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELIA ARKIB (Bilangan Kod : 068 19-130)

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.
- i) Higher National Diploma dalam bidang Sejarah, Persuratan, Perpustakaan atau bidang-bidang yang berkaitan dengan kerja-kerja ke-arkiban.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat tidak kurang dari lima tahun dalam Bahagian III serta pengalaman bekerja dalam jawatan yang berkaitan.
- Berkebolehan dalam mengasingkan dokumen-dokumen sejarah untuk dijadikan khazanah arkib dalam fail-fail yang dikumpul sebelum dimusnahkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu Kurator Arkib dalam mengendalikan kerja-kerja pengurusan perarhikan dalam bidang menyusun, menyediakan dan mengendalikan kegiatan-kegiatan Arkib Negara Brunei Darussalam serta mengumpul, mengutip, merekod, menyusun, menyimpan serta memelihara dokumen-dokumen awam bagi kegunaan arkib.

2. PENYELARAS PERANCANGAN

(Bilangan Kod : 013 31-011)

(Di Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 21 hingga 45 tahun.
- i) Higher National Diploma dalam bidang "business studies" atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III serta lima tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan.
- Mempunyai sikap kerja yang fleksible terhadap tugasnya dan keupayaan perhubungan yang berkesan dengan sektor swasta dan lain-lain organisasi Kerajaan.
- Berminat dan bersedia untuk menjalankan tugas luar (field work).

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu Pegawai Ekonomi dalam kerja-kerja penyelarasan, perancangan dan penilaian pelaksanaan projek-projek di dalam Rancangan Kemajuan Negara.
- Membantu dalam membuat penyelidikan ke atas

dasar serta strategi Rancangan Kemajuan Negara selaras dengan matlamat dan sasarannya.

3. PENOLONG PEGAWAI PERDAGANGAN :

(Bilangan Kod : 013 21-936)

(Di Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 21 hingga 45 tahun.
- i) Higher National Diploma dalam bidang "business studies" dalam bidang pemasaran.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III dalam kerja berkaitan dengan perdagangan di Jabatan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun.
- Pengalaman dalam pengumpulan dan penyusunan perangkaan perdagangan luar adalah satu kelebihan.
- Mempunyai sikap kerja yang fleksible terhadap tugasnya, kecenderungan dalam tugas tersebut, boleh bekerja sendiri dan mempunyai daya kreatif.
- Pengetahuan dalam penggunaan micro-computer adalah satu kelebihan.
- Berminat dan bersedia untuk menjalankan tugas-tugas luar pejabat (field work).

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu dalam pengumpulan dan penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa dalam negara-negara ASEAN dan di rantau yang lain.
- Membantu Pegawai Perdagangan dalam pentadbiran dan penyelarasan keistimewaan perdagangan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam oleh negara-negara membangun.
- Membantu Pegawai Perdagangan di dalam menyediakan, mengatitkan dan melaksanakan rancangan-rancangan bagi memajukan perdagangan dengan tujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Pusat Perdagangan.

4. PENYELIA PENGENDALIAN KOMPUTER

(Bilangan Kod : 062 08-331)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) Higher National Diploma dalam Computer Studies atau yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Ordinary National Diploma atau sedang dan telah berkhidmat dalam Bahagian III serta mempunyai lima tahun pengalaman dalam mengendalikan operasi komputer di bahagian sistem maklumat makmal serta berpengalaman dalam menjadual dalam bahasa komputer MIIS.
- Mempunyai salah satu bahasa komputer COBOL, BASIC, DBASE III dan MUMPS.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Mempastikan yang semua tatacara (procedure) penggunaan sistem komputer diikuti dan dibuat sepenuhnya oleh pengguna.
- Melatih pengguna-pengguna baru dalam penggunaan sistem komputer.
- Bertanggungjawab dalam menjalankan pemeliharaan terhadap sistem "Software".
- Membantu dalam kerja-kerja menjadual dan perubahan terhadap "Software".

5. PEREKA BENTUK KANAN

(Bilangan Kod : 009 16-261)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) Higher Diploma in Art and Design atau kelulusan dan bidang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

- College Diploma in Art and Design serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari tiga tahun sebagai Pelukis Grafik atau Pereka di Televisyen atau jawatan yang sebanding dengannya.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengendalikan dan mengawas segala tugas yang bersangkutan dengan rekabentuk di semua bahagian rekabentuk dan bertanggungjawab kepada Ketua Pereka.

6. PENGURUS PENTAS (Bilangan Kod : 009 17-640)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

- i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman dalam Pengurusan Pentas.

ATAU

- Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta lima tahun pengalaman dalam bidang pengurusan pentas.

- Fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Pengetahuan yang luas dalam peraturan penerbitan dan mempunyai minat dalam drama dan hiburan pada umumnya adalah diperlukan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab kepada Pengarah/Penerbit Rancangan. Mengarah pergerakan di pentas studio semasa latihan kamera dan rakaman seperti yang diarahkan oleh penerbit, memberi arahan dan isyarat kepada penyumbangan-penyumbangan dan artis-artis. Mempastikan artis-artis hadir mengikut masa yang telah ditetapkan dan memakai pakaian dan bersolek seperti yang ditentukan. Mengawal dan menjadi pengarah kepada penghujung di antara pentas dan Pengarah/Penerbit. Bersedia berkhidmat pada sebarang masa yang ditentukan sama ada dalam Studio mahupun di luar Studio dan seumpamanya.

7. GURU TUKANG KAYU SENIUKIR

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod : 068 13-250)

Tanggagaji : G. 2 — \$1050-\$2165 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 30 hingga 50 tahun.
- Berpengalaman dan pengetahuan bagi mengukir alat-alat dari bahan-bahan kayu, tanduk, gading dan sebagainya.
- Berpengalaman dan pengetahuan bagi membuat kerja-kerja ukir mengukir dari bahan kayu, gading, tanduk dan sebagainya.
- Mengetahui cara-cara mengajir sekurang-kurangnya lima tahun tentang kerja ukiran kemahirannya itu.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengajar seni kraf-tangan dalam bidang seniukir dan pahatan kayu di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 5 Ogos, 1987.
Bilangan Pendaftaran : 74/1987
(E/671/87)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. Tawaran	Keterangan	Tarikh Tutup	Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
DA/TQ/136/87	Membekal dan Menghantar Universal Geared Engine Stand	22 Julai	Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
DA/TQ/137/87	Membekal dan Menghantar "Materials Testing Equipment"	22 Julai	2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
	1. Framed Structures Apparatus Conversions Set III		3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :
DA/TQ/138/87	Membekal dan Menghantar "Feedback Lan 521 Display Oscilloscope"	22 Julai	Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
DA/TQ/139/87	Membekal dan Menghantar China Geared Head Gap Lathe	22 Julai	
DA/TQ/140/87	Membekal dan Menghantar Vehicle Body Jig Dataliner 800	22 Julai	4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
DA/TQ/141/87	Membekal dan Menghantar Electrical Demonstration Kit	22 Julai	Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —
DA/TQ/142/87	Membekal dan Menghantar Industrial Safety Shoes bagi Tahun 1987/1988	22 Julai	Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi
DA/TQ/143/87	Membuat dan Menjahit Pakaian "Lightweight Coverall" bagi Tahun 1987/1988	22 Julai	1.30 petang — 2.30 petang
DA/TQ/144/87	Membekal dan Menghantar Alatan "Catering"	22 Julai	Isnin-Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi
	1. Mobile Refrigerated Salad Bar		
	2. High Pressure Steamer.		

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (FILEM DAN PITA):

(Bilangan Kod : 009 19 — 103).

(Bahagian Radio dan Televisyen Brunei).

Tanggungaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

a) i) 1 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

ATAU

ii) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Mengendalikan Perpustakaan Filem dan Pita dan membuat laporan tiap-tiap bulan mengenai keadaan filem-filem dan pita yang ada dalam simpanan.

2. PEMBANTU PENYUNTING:

(Bilangan Kod : 009 15 — 925).

(Bahagian Penerangan).

Tanggungaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

a) i) 1 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3

mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

ATAU

ii) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan berpengalaman dalam berita dalam sebuah akhbar sekurang-kurangnya 3 tahun.

b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dan juga berkebolehan membaca jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Menyunting dan menyediakan bahan-bahan rencana untuk siaran dalam akhbar Pelita Brunei dan bertanggungjawab kepada penerbitan Pelita Brunei.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendak-

lah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Ogos, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 65/1987).

(E/949/74).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BIL: JL/10/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima dari pembekal kasut kategori MGA atau dari pembekal kasut lain yang berkebolehan bagi MEMBEKAL KASUT K E R J A Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Spesifikasi kasut adalah seperti berikut:—

Uppers: Black ramble grain leather

Sole: Anti-slip Oil, heat and acid resistant.

1. Kasut warna hitam \$..... sepasang
2. Tempoh bagi membekal kasut minggu.

SYARAT-SYARAT TAWARAN:—

1. Kasut hendaklah dibekalkan dalam tempoh waktu yang berpatutan dan mengikut sebagaimana yang diutuskan oleh Pengarah Laut kepada pemborong. Jika didapati tidak mengikut sebagaimana yang diutuskan maka kasut tersebut akan dikembalikan kepada pemborong bagi ditukar kepada yang baru dengan mengenakan sebarang bayaran tambahan.
2. Tempoh Memborong adalah untuk 2 tahun mulai tarikh yang dibenarkan oleh Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Pengarah Laut berhak menamatkan pemborongan bila-bila masa

jika pembekalan didapati tidak memuaskan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa tertutup dan ditulis dengan jelas pada bahagian atas sebelah kiri dengan "TENDER JL/10/1987 MEMBEKAL KASUT K E R J A BAGI JABATAN LAUT" dan dialamatkan kepada:—

i) Untuk tawaran harga, kepada:—

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

- ii) Contoh-contoh / katalog-katalog kasut yang ditawarkan kepada:— Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran akan diterima di alamat yang berkenaan pada jam 3.00 petang, 22 Julai, 1987.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN ada'ah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berkebolehan dalam kerja-kerja pembersihan bagi PEMBERSIHAN HARIAN KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA bagi tempoh dua tahun.

2. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada 20 Julai, 1987 jam 10.00 pagi. Semua pemborong adalah diminta berkumpul di Pejabat Pembantu Pengurus Lapangan Terbang pada tarikh ditetapkan. Semua pemborong adalah diwajibkan hadir bagi lawatan tersebut. Tawaran dari pemborong-pemborong yang tidak hadir pada hari lawatan tersebut mungkin tidak akan diterima

3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operation, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran \$200.00.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI PEMBERSIHAN HARIAN KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA

Bilangan Tawaran: JPA/TB/1/87

tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 5 Ogos, 1987.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal SYNTHESIZED SIGNAL GENERATOR.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL SYNTHESIZED SIGNAL GENERATOR BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran: JPA/AT/87/8

tanpa menunjukkan identiti pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 29 Julai, 1987.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran \$100.00 bagi dokumen.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL: PPL/TB/25/1987

Tajuk kerja: ELECTRICAL AND FIRE DETECTION / PROTECTION INSTALLATION FOR TELEPHONE EXCHANGE BUILDING SERIA.

Cengkeram: \$200.00.

Tarikh tutup: 20 Julai, 1987 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL: PPL/MTB/220/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Penanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

REINFORCEMENT OF LT O/H SYSTEM ALONG JALAN TUNONG FROM KAMPONG BUNOT UP TO SIMPANG BENGKURONG.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL: PPL/MTB/221/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-

pemborong yang berdaftar dari JKR Kelas 'AX' dan 'A' dan Pemborong-pemborong Penanam Kabel Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ELECTRICITY SUPPLY TO LAND FOR LAND-LESS CITIZENS SCHEME AT KAMPONG TUNGKU — PART I

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL: PPL/MTB/212/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BAGI MEMBERSIHKAN KAWASAN PEJABAT MUARA BARU, BARIK BARU DAN STESEN 66KV BARU.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong Kelas 'B' sahaja untuk:—

PROJEK NO: DDWS/GUR/87/03

CONSTRUCTION OF SPECTATORS STANDS AND 12 CAR PORCHES AT ISTANA EDINBURGH GURKHA MARRIED QUARTERS JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

CAGARAN TAWARAN:

\$100.00 + \$100.00 (LUKISAN).

BIL: MINDEF/DFP/MTB/56/1987

MEMBEKAL: TYRE

BIL: MINDEF/DFP/MTB/57/1987

MEMBEKAL: CHAIR ARM DINING

BIL: MINDEF/DFP/MTB/58/1987

MEMBEKAL: CUSHION SEAT

BIL: MINDEF/DFP/MTB/59/1987

MEMBEKAL: SNAP-ON-TOOLS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/60/1987

MEMBEKAL: TABLE CLOTH

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 28 Julai, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatan Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin — Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Arah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak \$100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bonafide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JKR 217 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No. : AR507/2000
KERJA-KERJA MEMPERBAIKI JALAN-JALAN KAMPUNG—JALAN BERIBI, JALAN LAMBAK KANAN, JALAN LAMBAK KIRI, JALAN KAMPONG KIANGGEH DAN JALAN KAMPONG BARANGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 218 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : 87AB/000935
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESE-LURUHAN ASRAMA PENUNTUT JURURAWAT, RUMAH PANGSA PUSAT LATIHAN JURU-RAWAT DAN PUSAT LATIHAN KULIAH JURU-RAWAT YANG SEDIA ADA DI KIULAP, BAN-DAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DA-RUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$500.00.

BIL: JKR 219 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : AR507/2200
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH BAGI JALAN-JALAN DAERAH DI KAWASAN JERUDONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$500.00.

BIL: JKR 220 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : 87AD/ABD/PI
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN STESEN MI-NYAK YANG BARU DI PERKHEMAHAN BERA-KAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 20 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 221 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang pakar untuk:

PROJEK No. : AD429/0401
KONTRAK BAGI ALAT-ALAT KAJICUACA YANG BARU BAGI PEMBESARAN KEMUDAH-AN ANGKATAN UDARA DIRAJA BRUNEI, DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRU-NEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 222 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" & "B" untuk:

PROJEK No. : 84AB/DTM001
PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH TEMBURONG DAN DEWAN SANTA-PAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 223 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" & "B" untuk:

PROJEK No. : AD411/0305
PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI IBU SAWAT TELEKOM, BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)
ATAU
(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di-hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang di-nyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah meng-hantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pem-borong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darus-salam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang ren-dah atau lain-lain tawaran.

Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 224 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No. : 87AW/25600
PROJEK RINTIS PEMBUANGAN SAMPAH KAMPONG AYER: TONG SAMPAH BER-GERAK DAN TONG SAMPAH DI RUMAH-RUMAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : \$200.00 + \$15.00 (lukisan).

BIL: JKR 225 TAHUN 1987
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No. : 87AW/25600
PROJEK RINTIS PEMBUANGAN SAMPAH KAMPONG AYER: PEDATI KUASA ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
